

Jilid III
Bil. 45



Hari Selasa
29hb November, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5119]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5144]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Ketiga) —

Jadual —

Kepala B. 16 hingga Kepala B. 22 [Ruangan 5146]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Ketiga) —

Kepala P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22 [Ruangan 5146]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh):
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK. P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 29hb November, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ZAKAT HARTA/ZAKAT
FITRAH — KUTIPAN

1. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa undang-undang Islam yang dijalankan sekarang ini ditumpukan kepada fitrah sahaja, pada hal pungutan zakat termasuk zakat harta yang lebih besar pendapatannya. Tidakkah Kementerian yang berkenaan akan mengadakan undang-undang kepada zakat harta.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-juan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, berhubung dengan pungutan zakat fitrah/zakat harta adalah di bawah kuatkuasa Majlis Ugama Islam Negeri masing-masing termasuk juga Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Undang-undang Negeri mempunyai peruntukan masing-masing bagi menguatkuasakan kutipan ke atas semua jenis zakat harta dan fitrah. Perlaksanaan kutipan ke atas semua jenis zakat telahpun dijalankan. Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan apa-apa undang-undang lagi dalam perkara tersebut kerana pekerja ini telahpun ada dalam undang-undang negeri masing-masing.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE
AMERIKA SYARIKAT

2. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar di dalam lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini telah diminta nasihat oleh Presiden Carter bagaimana beliau dapat mengawal kadar pembangunan ekonomi negara ini dan mengawal inflasi; jika sedar:

- (a) apakah nasihat beliau kepada Presiden Carter bagi menunaikan permintaan tersebut; dan
- (b) adakah pula negara-negara lain yang telah minta nasihat seperti itu, jika ada sebut namanya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Presiden Carter hanya berseluruh dan bukanlah benar-benar meminta nasihat daripada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri;
- (b) tidak ada.

TANGKAPAN KERANA
TIDAK BERPUASA

3. **Tuan Ja'afar bin Hamzah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang-orang Islam yang telah ditangkap kerana tidak berpuasa semasa bulan puasa yang lalu dan mengapa penguatkuasa undang-undang ini tidak dijalankan dengan tegas.

Tuan Yang di-Pertua: 900 tahun?

Tuan Lim Cho Hock: Ya, 99 tahun lebih kurang. Satu-satu developer memohon sub-division Kerajaan Negeri Perak akan memberi geran-geran itu untuk 60 tahun atau 99 tahun sahaja tetapi tidak memberi satu grant-in-perpetuity. Dengan keadaan itu boleh dikatakan sudah menghalang pembangunan rumah-rumah dan kalau ada sedar apakah langkah Timbalan Menteri yang berkenaan akan ambil untuk mengatasi perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini nampaknya adalah satu perkara specific atau tertentu; terkeluar daripada soalan asal, tetapi kalau Menteri sedia menjawab tak apa boleh jawab, sebab bersangkutan dengan perumahan juga, kalau hendak notis katalah hendak notis.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah ini memang dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan untuk makluman Yang Berhormat itu, Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan task force atau badan petugas bagi mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

JABATAN KERETAPI — PINJAMAN

6. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menerangkan jumlah pinjaman yang telah diberi kepada Jabatan Keretapi sehingga hari ini:—

- (a) punca-punca pinjaman iaitu samada dari Kerajaan Pusat atau Badan-badan Antarabangsa yang lain;
- (b) berapa faedah yang dikenakan bagi tiap-tiap pinjaman; dan
- (c) samada pinjaman-pinjaman tersebut dapat dibayar oleh Jabatan Keretapi pada tiap-tiap bulan atau tahun menurut syarat-syarat bayaran yang ditentukan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu telah diberi pinjaman sebanyak \$177.627 juta sehingga sekarang dan pecahan angka ini adalah seperti berikut:—

(a) (1) Pinjaman daripada Kerajaan Pusat	— \$133.110 juta
(2) Bank Dunia	— \$ 38.997 juta
(3) Economic Development Board Singapore	— \$ 5.520 juta
	\$177.627 juta

(b) Bayaran faedah atas jumlah ini adalah seperti berikut:—

- (i) Faedah bagi pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Pusat tidak tetap iaitu dari sebanyak 4 peratus sehingga 8 peratus bagi setahun dikenakan;
 - (ii) Faedah bagi pinjaman dari Bank Dunia ialah $7\frac{1}{4}$ peratus bagi setahun;
 - (iii) Faedah tidak dikenakan bagi pinjaman dari Economic Development Board Singapore sejak 15hb November, 1975 sebelum tarikh itu sebanyak $5\frac{1}{2}$ peratus bagi setahun dikenakan.
- (c) Bayaran balik bagi pinjaman-pinjaman tersebut adalah diselenggarakan oleh Keretapi Tanah Melayu pada tiap-tiap tahun kecuali pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Persekutuan di mana bayaran balik tidak dibuat dari tahun 1965 kerana pemberian Tangguhan (moratorium) oleh Kerajaan Persekutuan. Kemungkinan untuk menukarkan pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan sebelum 31hb. Disember, 1970 ke ekuiti sedang dikaji oleh Kerajaan. Bayaran balik bagi pinjaman-pinjaman Kerajaan Persekutuan yang diterima dalam tahun 1971, 1972 dan 1973 belum lagi dibuat dan dijangka bermula pada penghujung tahun ini. Bagi pinjaman-pinjaman selepas tahun 1973, tempoh bayaran balik belum lagi sampai masanya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pinjaman dari punca Bank Dunia dan dari punca Economic Development Board, Singapore, dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan samada dikenakan syarat-syarat mengikat ataupun strings attached, umpamanya dikehendaki Keretapi Tanah Melayu membeli satu-satu alat satu-satu jentera daripada negeri-negeri yang tertentu dan sebagainya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semua pinjaman daripada Bank Dunia adalah bersyarat, tetapi tidaklah ditentukan mesti membeli barang-barang dari tempat-tempat tertentu, sebaliknya Bank Dunia adalah menjalankan overall supervision dan menjaga apa yang dipinjamkan patut kita belanjakan mengikut syarat-syarat kita meminjam.

TANDA PIAWAIAN SIRIM

7. Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah syarikat atau perusahaan serta nama-nama mereka yang layak untuk menunjukkan darjah SIRIM; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang diambil untuk memastikan bahawa mereka sentiasa menjaga darjah yang tinggi bagi keluaran mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat,

- (a) sehingga hari ini SIRIM telah memberikan sebanyak 96 lesen kepada 53 syarikat atau perusahaan untuk menggunakan tanda piawaian SIRIM dan 16 sijil menepati piawaian Malaysia kepada 13 buah syarikat atau perusahaan yang menepati penentuan piawaian Malaysia, piawaian luar

negeri atau antarabangsa. Untuk menjimatkan masa saya akan edarkan senarai nama-nama syarikat dan perusahaan yang tersebut itu kepada Ahli Yang Berhormat.

- (b) Untuk memastikan darjah yang tinggi bagi keluaran mereka SIRIM dengan sekim pengesahannya adalah dijalankan di bawah kawalan yang ketat agar pengilang-pengilang yang berjaya menerima lesen untuk menggunakan tanda piawaian SIRIM mempunyai keyakinan yang tinggi dari orang ramai. Ini adalah dilakukan untuk menjaga mutu keluaran barangan supaya sentiasa berada ditaraf yang dikehendaki. Sekim Pengesahan SIRIM yang saya sebutkan di atas itu adalah dijalankan seperti berikut:

- (1) Borang-borang permohonan diproses dengan teliti.
- (2) Inspeksi lesen awalan (pre-licence inspection) ke atas bahan-bahan mentah kilang-kilang, kebersihan kawalan mutu dan pengujian barang-barang yang dikeluarkan semasa tempoh lesen awalan (pre-licence period) pemeliharaan lengkap bagi barangan di semua peringkat pengeluaran dibuat. Contoh-contoh telah diambil dari peringkat pengeluaran dan di setor di mana barangan telah siap diproses di samping itu diuji mengikut piawaian yang telah ditentukan. Apabila pekilang itu telah mematuhi piawaian yang ditentukan semasa tempoh lesen awalan dan setelah SIRIM puas hati di dalam tata cara pengeluaran pengilang tersebut barulah SIRIM memberi lesen bagi menggunakan tanda piawaian SIRIM kepada pengilang tersebut. Dalam tempoh pelesenan SIRIM akan menjalankan inspeksi ke atas pengilang tersebut untuk mematuhi kawalan dan penyelidikan yang dikenakan di atasnya

seperti yang terdapat di dalam specification marking rule. Inspeksi ke atas pengilang yang telah diberikan lesen adalah dilakukan secara routine ke atas contoh-contoh sebanyak dua hingga empat kali setahun lawatan dengan tidak memberitahu dibuat sebanyak dua kali setahun. Jika dalam tempoh itu SIRIM mendapat pengilang tersebut tidak mengeluarkan barangan yang bermutu seperti yang dikehendaki, lesen untuk menggunakan tanda piawaian SIRIM akan ditarik balik dari pengilang tersebut dan barangannya yang bertanda piawaian tidak dibenarkan untuk dijual.

PERHUBUNGAN PERDAGANGAN JEPUN/MALAYSIA

8. **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah hubungan perdagangan di antara Jepun dengan Malaysia akan menambahkan ekonomi Malaysia dan adakah ini akan dapat mengurangkan pengangguran di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada belia-belia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, perhubungan perdagangan di antara Jepun dan Malaysia telah berkembang dengan pesat. Dalam tahun 1976 Jepun merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar dan lebih kurang 21% daripada jumlah perdagangan Malaysia adalah dengan negara tersebut. Sungguhpun keadaan ekonomi dunia merosot mengakibatkan kesan buruk terhadap perdagangan antarabangsa, namun perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan Jepun telah menghasilkan sebanyak 4,900 juta ringgit dalam tahun tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa perdagangan dengan Jepun telah menguntungkan ekonomi negara ini. Namun demikian, tidaklah da-

pat saya nyatakan samada hubungan dagangan yang pesat ini akan dapat mengurangkan pengangguran dikalangan belia-belia oleh kerana peluang bekerja adalah bergantung kepada beberapa faktor, selain daripada hubungan perdagangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Peter Lim Pui Ho.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Lim Pui Ho tidak hadir).

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI AUSTRALIA/LONDON

10. **Tuan Ja'afar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:—

- (a) berapakah jumlah bilangan penuntut-penuntut yang belajar di Australia dan di London daripada semenjak tahun 1970 hingga sekarang ini; dan
- (b) berapa jumlah bilangan penuntut-penuntut yang dibiayai oleh Kerajaan dan juga jumlah penuntut-penuntut yang belajar dengan perbelanjaan sendiri daripada tahun 1970 hingga sekarang ini.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sila rujuk jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran berhubung dengan perkara yang sama dalam Dewan ini pada 3.11.77.

SIARAN NASIONAL RTM

11. **Tuan A.K. Aliuddin** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa pihak TV Malaysia Siaran Nasional terlalu sedikit menyiarkan rancangan-rancangan dari Sabah dan Sarawak terutama sekali dalam rancangan Peristiwa, memandangkan kedua-dua Negeri tersebut sedang pesat membangun dan setiap pembangunan perlu juga diketahui oleh rakyat di Negeri-negeri Semenanjung.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, sememangnya menjadi hasrat Kementerian ini untuk menyiarkan berita-berita yang menyeluruh menerusi Rangkaian Nasional. Buat masa ini berita-berita penting dapat disalurkan terus dari Sabah dan Sarawak tiap-tiap malam dalam Berita Nasional malah berita dari Sabah dan Sarawak ada disiarkan menerusi SEACOM dan TROPOSCATTER. Mengenai rancangan Peristiwa komposisi atau kandungannya adalah bergantung kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku yang dapat dirakamkan di negeri-negeri berkenaan dan dihantar ke RTM untuk siaran menerusi Rangkaian Nasional bagi pengetahuan rakyat di seluruh negara.

EKSPOT KAIN KE KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC)

12. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu menyedari tentang kenyataan diperbuat oleh Pasaran Bersama baru-baru ini hendak mengurangkan eksport kain-kain ke Pasaran Eropah Bersama (EEC) dari negara-negara Dunia Ketiga, apakah langkah-langkah yang beliau cadang mengambil bagi mempertahankan perusahaan kain kita yang amat lemah itu dari kejatuhan.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan berusaha mendapatkan paras kuota yang terbaik dari Kesatuan Ekonomi Eropah apabila diadakan perundingan perjanjian baru tekstail dengan Kesatuan tersebut bagi menggantikan perjanjian sekarang yang akan tamat pada 31hb. Disember, 1977 ini. Pada masa ini satu deligasi Malaysia sedang berada di Brussels dan telah bertemu dengan perunding tekstail Kesatuan Ekonomi Eropah secara tidak rasmi. Dalam pertemuan itu, pihak Kesatuan Ekonomi Eropah telah menyampaikan cadangan-cadangan mereka dan deligasi Malaysia sedang mengkaji cadangan-ca-

dangan tersebut. Perundingan secara rasmi telah dimulakan pada 17hb. November, 1977.

Di samping itu, Malaysia bersama-sama negara-negara ASEAN lain, telah menemui pihak Kesatuan Ekonomi Eropah dan membentangkan masalah-masalah yang dihadapi bersangkutan dengan eksport tekstail ke Kesatuan Ekonomi Eropah. Lebih banyak mesyuarat dan dailog akan diadakan dengan Kesatuan Ekonomi Eropah dari masa ke semasa untuk mendapatkan pasaran terbaik bagi hasil-hasil tekstail kita. Selain daripada ini usaha-usaha dan langkah-langkah sedang diambil bagi mencari pasaran-pasaran baru sebagai satu langkah mengurangkan tumpuan di pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah.

MAS DC-10 DISEWAKAN KEPADA SIA

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia telah menyewakan pesawat DC-10nya kepada Singapore Airline Sistem dan jika ya, berapakah bayaran sewanya dan berapa lamakah tempohnya;
- (b) samada beliau sedar bahawa pihak MAS tidak sepatutnya berbuat demikian kerana MAS sendiri memerlukan pesawat jenis itu untuk penerbangannya ke negara-negara Eropah-United Kingdom dan lain-lain apabila dibuat persetujuan kelak;
- (c) samada beliau sedar bahawa MAS sepatutnya menempah lebih banyak lagi pesawat-pesawat DC-10/Boeing 747 (Jumbo Jet) untuk keperluan penerbangan antarabangsa;
- (d) kenapakah MAS tidak banyak mengadakan penerbangan antarabangsa sepertimana yang dibuat oleh SIA sedangkan seluruh dunia tahu dimana letaknya Malaysia; dan

- (e) bilakah MAS akan menjalankan penerbangan antarabangsa ke seluruh dunia, jika tidak mengapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia telah menyewa kapalterbang DC-10 kepada SIA bagi jangka masa satu tahun mulai dari 3hb November, 1977 hingga 27hb Oktober, 1978 dengan bayaran sebanyak \$6.9 juta.
- (b) Kapalterbang DC-10 itu telah disewa atas dasar sekali seminggu iaitu apabila kapalterbang itu tidak digunakan untuk perkhidmatan tetap MAS. Penyewaan itu tidak akan mengganggu perkhidmatan MAS ke negara-negara Eropah. MAS juga ada menyewakan kapalterbang untuk tujuan chartered flight — Haj Charters dan Australian Students' Union Charters. MAS juga pernah menyewa sebuah kapalterbang B707 daripada Syarikat Penerbangan British Midland di dalam tahun 1975 dan 1976 untuk kegunaan penerbangan antarabangsa. Biasanya penyewaan seperti ini dibuat apabila kapalterbang MAS dihantar untuk urusan penyelenggaraan atau maintenance.

Menjawab soal (c), penempahan lebih banyak pesawat-pesawat DC-10 Boeing 747 adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti pertambahan kebenaran mendarat yang diperolehi dan pertambahan trafik. Perkara ini adalah dikaji oleh MAS dari masa ke semasa.

Menjawab soalan (d) MAS memang mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi perkhidmatan penerbangan antarabangsa. Bagaimanapun, perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada pemberian hak-hak perkhidmatan di negara-negara yang berkenaan di samping faktor-faktor ekonomi perkhidmatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkhidmatan MAS baru sahaja sampai dekat lima tahun dan perkhidmatan di dalam masa ini adalah MAS menjalankan beberapa tempat perkhidmatannya di antarabangsa dan juga lebih di dalam negara. Ini adalah terhadap kepada kebenaran mendarat yang diperolehi daripada Kerajaan-kerajaan asing dan penumpang-penumpang. Bagaimanapun, perkhidmatan antara bangsa MAS yang ada sekarang adalah mengikut programme yang telah ditetapkan ataupun five-year-plan. Rancangan ini dikaji semula dari masa ke semasa.

Menjawab soalan (c), saya fikir jawapan saya kepada soal (d) meliputi juga bagi soalan (e).

Tuan Haji Mohd. Idris bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan bahawa MAS juga menyewakan penerbangan untuk pergi ke Mekah, naik Haji. Tetapi adakah beliau sedar bahawa di dalam tahun ini penerbangan pergi ke Mekah kelewatan berlaku dan apabila berlaku ditanya-tanya didapati ialah kerana rosak kapalterbang itu setiap kali penerbangan hendak dibuat kerana menggunakan satu kapalterbang itu sahaja khas untuk penerbangan Haji. Memandangkan perkara ini amatlah penting dan sensitif tidakkah pihak Kementerian akan menggunakan jenis kapalterbang-kapalterbang yang baru seperti DC-10 untuk memberi faedah kepada penerbangan Haji ini pada masa akan datang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada satu kapalterbang MAS 707 itu adalah lama dan ada beberapa masaalah, tetapi bukan sahaja kapalterbang 707 yang rosak, DC-10 yang baharupun ada rosak. Saya sendiri dapat kelewatan 22 jam apabila kapalterbang DC-10 baharu-baharu ini rosak. Jadi macam manapun kita pada masa sekarang berunding hendak membeli lagi satu DC-10 pada masa akan datang untuk mengadakan trafik daripada Juddah dan Eropah dan apa Yang Berhormat itu katakan tadi akan ditimbang.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab 13 (c) Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa satu daripada perkara yang diambil berat sebelum membeli sesebuah pesawat DC-10 ialah kebenaran mendarat atau landing right daripada negara-negara di mana kelak pesawat tersebut akan menjalankan perkhidmatannya. Jika begitu mengapa maka terdengar oleh kita perbincangan untuk mendapat landing right di United Kingdom masih juga belum diputuskan tetapi DC-10 sudah dibeli.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ulang semula soalan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Biar tepat dan pendek, kalau panjang sangat takut keliru nanti. Sekali lagi Yang Berhormat.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Jika benar bahawa Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan kepada landing right atau kebenaran mendarat sebelum membeli pesawat DC-10 mengapa terjadi baharu-baharu ini perbincangan dengan United Kingdom untuk mendapatkan landing right, walhal jentera tersebut telahpun dibeli.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam rundangan dengan British baharu-baharu ini kita ada beberapa masalah. Jadi ia kira seat capacity dan juga kira keuntungan masing-masing company dan ini adalah dalam timbangan Kerajaan sekarang dan baharu-baharu ini kita dapat kebenaran mendarat dua DC-10 ke London.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dapat?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sudah dapat. Dua DC-10 sudahpun berjalan tetapi memanglah kita hendak dapat lebih lagi DC-10 ataupun kapal terbang pergi ke Eropah ataupun lain-lain tempat.

Tuan Lim Kit Siang: Dari segi cost effectiveness, adakah satu kajian dibuat oleh Kementerian Perhubungan berkenaan kerugian yang akan dialami akibat penyewaan DC-10 kepada SIA jika dibandingkan dengan penggunaan DC-10 dalam routes kita sendiri. Kalau terdapat routes sendiri yang boleh menggunakan kapal terbang DC-10, maka tentu itulah sebabnya DC-10 dibeli untuk digunakan dalam perkhidmatan udara antarabangsa dan bukan untuk disewakan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kita hendak gunakan sendiri DC-10 itu mencukupi tetapi sebelum kita dapat mencukupi trafik, memang kita untung, apa yang kita sewakan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak digunakan, tentulah dapat sedikit keuntungan kalau kapal terbang DC-10 itu disewakan. Tetapi kalau ada routes apabila sebuah DC-10 atau sebuah kapal terbang yang bernilai berjuta-juta ringgit dibeli tentulah akan diadakan satu kajian mengenai untung optimum yang akan didapati untuk menjustify pembelian DC-10 itu. Soalan saya ialah samada satu kajian telah dibuat untuk menentukan berapa banyakkah keuntungan yang akan diperolehi kalau DC-10 diguna sepenuhnya oleh kita sendiri, kerana buat masa sekarang DC-10 itu tidak boleh digunakan oleh kita sendiri dengan sepenuhnya dan terpaksa disewakan kepada SIA atau penerbangan yang lain.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar kalau kita sendiri menggunakan memang untung lebih. Tetapi sampai masa kita boleh mendapat traffic right yang mencukupi kita untung. Apa yang kita dapat sekarang adalah untung.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kementerian Perhubungan akan membuat satu recommendation bahawa Kerajaan beli lebih banyak DC-10?

Tan Sri V. Manickavasagam: Itu bukan tujuan kita, tetapi kita kalau sudah beli itu

kalau boleh dapat untung daripada simpan dalam hanger, baik kita dapat untung.

Tuan Yang di-Pertua: Untung sedikit sahajalah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa dalam perundingan Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan kebenaran mendarat di Britain memang sukar, hanya dapat dua kali sahaja. Apa yang saya hendak tahu ialah adakah Kerajaan negeri ini memberi kebenaran kepada pihak British Airways ini bagi mendaratkan kapalterbang Concorde di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kapalterbang apa?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Kapalterbang Concorde.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, baharu pada minggu yang lalu Kementerian saya dapat satu nota daripada British High Commission melalui Foreign Ministry yang minta Kerajaan Malaysia memberi kebenaran airspace bagi perjalanan pesawat Concorde daripada London ke Singapura. Pada masa sekarang Kerajaan Malaysia sedang menimbang perkara ini dengan teliti daripada semua angle. Kita belum lagi memberi kebenaran kepada British.

BENIH KELAPA JENIS BARU

14. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak memberi benih-benih kelapa jenis baru yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih baik dan cepat kepada rakyat di Negeri Sarawak terutama kepada penduduk-penduduk di Daerah Simunjan. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang sama telah diberikan pada 29hb Julai, 1977, oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

RANCANGAN KAMPUNG TERSUSUN — KEMUDAHAN JALANRAYA

15. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar banyak rancangan kampung tersusun di luar bandar yang tidak ada kemudahan jalanraya yang baik boleh digunakan. Jika sedar adakah beliau bercadang untuk berusaha bagi membaikinya. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Konsep Kampung Tersusun seperti yang telah diwujudkan di Negeri Perak ialah untuk memberi tanah tapak rumah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah untuk mendirikan rumah-rumah mereka sendiri dengan dikenakan bayaran kos tanah sahaja. Keperluan-keperluan yang lain, seperti jalanraya, adalah dirancang mengikut keutamaan yang ditentukan atas budi bicara pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan. Dengan hal yang demikian, tidaklah wajar bagi saya menentukan bilakah suatu kampung atau kampung tersusun itu akan mendapat kemudahan jalanrayanya.

KEMISKINAN DI LUAR BANDAR

16. Tuan Au How Cheong minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) memandangkan bilangan keluarga miskin di kawasan-kawasan bandar akan bertambah, iaitu dari 105.2 ribu keluarga dalam 1975 ke 125 ribu dalam 1990 (Jadual 4-13 R.M.T.); samada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah baru untuk membereskan keadaan ini; dan

- (b) samada beliau puashati dengan pencapaian 9.9% kekurangan kemiskinan di kawasan-kawasan bandar, iaitu dari kadar 19% dalam 1975 ke 9.1% dalam 1990, berbanding dengan pencapaian 21% kekurangan kemiskinan di luar bandar dalam tempoh yang sama.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (a) suka saya menarik perhatian Yang Berhormat itu bahawa matlamat pembasmian kemiskinan adalah matlamat jangka panjang. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa membuat penyelidikan dan penilaian terhadap kesan-kesan pelaksanaan dasar dan program-program pembangunan bertujuan untuk membaiki strategi dan pendekatan bagi mempercepatkan lagi proses pembasmian kemiskinan; samada di bandar ataupun di luar bandar.

Kerajaan telahpun menetapkan strategi, dasar dan program pembangunan di bandar dan luar bandar untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jika ada perubahan atau langkah baru untuk dilaksanakan, Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melaksanakannya selepas Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, dan rancangan-rancangan pembangunan seterusnya.

Untuk soalan (b), adalah tidak wajar bagi Kerajaan berpuashati selagi masalah kemiskinan tidak dapat diatasi dan menjadi masalah negara. Walaupun anggaran kadar pengurangan kemiskinan di luar bandar lebih tinggi jika dibandingkan dengan di bandar, tetapi kedudukan kemiskinan di luar bandar dari tahun 1990, dianggarkan 23%, berbanding dengan di bandar iaitu 9.1%. Dari sini jelaslah bahawa Kerajaan perlu menitikberatkan dasar dan program seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan di luar bandar. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan mengeneppikan masalah kemiskinan di bandar.

GURU-GURU SEKOLAH

17. Tuan Sibat anak Tagong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau boleh memberi bilangan guru-guru sekolah yang melawat sambil belajar dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 hingga 31hb Ogos, 1977 seperti berikut:—

- (a) guru-guru dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak;
- (b) guru-guru dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia;
- (c) guru-guru dari Semenanjung Malaysia ke Sabah; dan
- (d) guru-guru dari Sabah ke Semenanjung Malaysia.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru sekolah yang melawat sambil belajar dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 hingga 31hb. Ogos, 1977 adalah seperti berikut:—

- (a) Guru-guru dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak:—

1975	—	Tiada
1976	—	Tiada
1977	—	27 orang
- (b) Guru-guru dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia:—

1975	—	Tiada
1976	—	12 orang
1977	—	12 orang
- (c) Guru-guru dari Semenanjung Malaysia ke Sabah:—

1975	—	Tiada
1976	—	Tiada
1977	—	Tiada
- (d) Guru-guru dari Sabah ke Semenanjung Malaysia:—

1975	—	Tiada
1976	—	Tiada
1977	—	35 orang

CABUTAN LOTERI KEBAJIKAN SOSIAL

18. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar tentang aduan 'foul play' dan manupulasi yang berlaku dalam cabutan loteri Kebajikan Sosial bernombor 9 pada 30.6.1977 di Nibong Tebal dan samada apa-apa siasatan telah dijalankan dan apakah hasilnya.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak sedar mengenai tuduhan tersebut dan siasatan tidak perlu dijalankan oleh kerana tuduhan itu tidak benar, dan cabutan loteri pada 30.6.1977 itu dilakukan seperti biasa di hadapan orang ramai serta disaksikan oleh ahli-ahli Lembaga Loteri tersebut.

BALAI POLIS SEMPORNA

19. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa rancangan Balai Polis Semporna pada masa sekarang pembinaannya terbangkalai tidak ada kemajuan langsung kerana besi-besi yang ditanam sudah bertahun-tahun boleh jadi lama kelamaan akan reput dan sekarang kedapatan pokok-pokok tumbuhan yang tinggi; jika sedar, bilakah Kerajaan akan berikhtiar dengan segera untuk menyiapkan pembinaannya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar yang pembinaan ibu pejabat polis daerah serta rumah-rumah untuk anggota polis di Semporna telah terhenti. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan di samping bangunan Ibu pejabat Polis Daerah rumah-rumah kediaman juga akan dibina. Tender untuk projek ini yang berharga \$2,483,385 telah diberi pada 18hb Mei, 1976 dan pembinaan kesemua bangunan itu dijangka siap pada awal bulan Februari, 1978, tetapi sesudah

menjalankan kerja-kerja pembangunan itu lebih kurang 10% maka kontrektor telah memberhentikan kerja-kerjanya kerana ianya tidak lagi berkemampuan meneruskan. Nampaknya satu tender baharu mungkin terpaksa dipanggil menyempurnakan projek ini dalam masa sebulan dua lagi. Sementara itu pihak JKR Sabah sedang mengambil tindakan merampas jaminan bank sebanyak \$124,179.75 dari petender asal kerana gagal menyiapkan projek mengikut jadual.

AKAUN SEKOLAH DI BANK

20. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa secara mendadak, akaun sekolah terpaksa ditukar kepada 6 buah bank yang diluluskan sahaja; pada hal di Perak, tidak terdapat sebuah pun bank yang disenaraikan itu. Tindakan ini telah mengakibatkan pelbagai kesukaran, dan ada kalanya melibatkan perjalanan lebih daripada 50 batu kerana urusan harian bank, dan jika ya, samada beliau akan membenarkan sekolah-sekolah meneruskan lagi kira-kira mereka di bank masing-masing seperti sekarang untuk kemudahan pentadbiran.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara menyimpan wang di dalam bank adalah diputuskan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia. Perbendaharaan Malaysia telah mengarahkan bahawa semua ajensi-ajensi Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun adalah dikehendaki menyimpan wang di dalam 6 buah bank yang mana bank-bank itu adalah samada Bank Kerajaan ataupun sebahagian besar daripada kumpulan modal adalah dimiliki oleh Kerajaan. Bank-bank yang telah diluluskan di mana ajensi-ajensi Kerajaan patut menyimpan wang mereka adalah seperti berikut:—

- (i) Bank Negara Malaysia
- (ii) Bank Bumiputra Berhad
- (iii) Malayan Banking Berhad
- (iv) Perwira Habib Bank Malaysia

- (v) United Malayan Banking Corporation Berhad
- (vi) Oriental Bank Berhad

Oleh kerana sekolah-sekolah adalah agensi-agensi Kerajaan dan peruntukan bagi perbelanjaannya adalah ditampung oleh Kerajaan maka mereka adalah dimestikan mematuhi arahan supaya wang-wang sekolah disimpan di bank-bank yang diluluskan oleh Perbendaharaan sahaja.

PUSAT LATIHAN BELIA DUSUN TUA

21. Tuan Tan Cheng Bee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah belia-belie dari Pusat Latihan Belia Dusun Tua yang hari ini berjaya dalam profession masing-masing secara berdikari.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah belia-belie keluaran Pusat Latihan Belia Dusun Tua yang telah berjaya dalam profession masing-masing secara berdikari ialah 1313 orang.

(Jawapan bagi Soalan No. 9 adalah diberi di bawah ini).

JUALAN LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

9. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa selalu terdapat kekurangan tiket Loteri Kebajikan Masyarakat untuk jualan khasnya di Sandakan;
- (ii) kerana kekurangan tiket ini untuk jualan di Sandakan maka tiket-tiket tersebut dijual secara terbuka dengan harga M\$1.20 sen sekeping;
- (iii) samada Kementerian ini akan menimbangkan supaya menambah bilangan

tiket Loteri Kebajikan Masyarakat untuk edaran semuga dengan demikian Kerajaan akan memperolehi lebih banyak wang untuk membiayai aktiviti-aktiviti kebajikan.

Tuan Patrik Anek Uren: Bagi menjawab pertanyaan (i) dan (ii), saya tidak sedar. Mengenai pertanyaan (iii), Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan akan menambahkan bekalan tiket-tiket loteri ke Malaysia Timur mulai dari cabutan loteri yang pertama tahun 1978, dalam bulan Januari, 1978.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO. 4)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kilang dan Jentera, 1967;

dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28hb November, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang hari yang ketiga untuk memutuskan usul membahaskan dalam Jawatankuasa. Pada dua hari yang lepas Dewan hanya dapat menyelesaikan dua Kementerian sahaja. Kita ada 22 Kementerian, tolak 2, tinggal baki 20 Kementerian dan ada lagi termasuk hari ini 14 hari maksima, maknanya sehabis lama 14 hari. Jadi, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat bila membuat teguran-teguran kenalah tepat teguran itu kepada dasar polisi, janganlah sentuh kepada dasar am Kerajaan supaya menjimatkan masa dan kita dapat selesaikan kerja kita dalam Jawatankuasa

dengan seberapa segera yang boleh. Terima kasih.

Sekarang kita beralih kepada Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ialah Kepala B. 16 hingga B. 22 dan jumlah yang bertentangan dengan Kepala itu berjumlah \$49,163,900 menjadi sebahagian daripada Jadual dan juga Kepala-kepala Pembangunan P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22 berjumlah \$97,862,050 menjadi sebahagian daripada peruntuk perbelanjaan pembangunan adalah terbuka untuk dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Kepala B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20, B. 21 dan B. 22 (Jadual) —

Kepala P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22

3.25 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menerangkan Anggaran Belanja Mengurus, 1978....

Tuan Lim Cho Hock: Saya baca dari surat-khabar....

Tuan Pengerusi: Sila duduk! Selagi Menteri duduk di tempat Menteri, dia Menteri lagi.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya beri peluang.

Tuan Lim Cho Hock: Dia sudah hantar surat....

Tuan Pengerusi: Itu surat-khabar tidak boleh kira. Bila saya sebut Menteri bangun, maknanya dia Menteri lagi.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya mohon izin untuk menerangkan Anggaran Belanjawan Mengurus 1978 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Kerajaan

Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Kepala B. 16) dan juga Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Jabatan-jabatan itu ialah:—

Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Kepala B. 17),

Jabatan Bomba (Kepala B. 18),

Jabatan Arkib Negara (Kepala B. 19),

Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala B. 20),

Jabatan Pertahanan Awam (Kepala B. 21), dan

Jabatan Perpustakaan Negara (Kepala B. 22).

Saya juga ingin menerangkan secara ringkas Anggaran Belanjawan Pembangunan tahun 1978 bagi Kementerian saya (Kepala P. 16) dan bagi Jabatan Bomba (Kepala P. 18), Jabatan Arkib Negara (Kepala P. 19), Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala P. 20) dan Jabatan Perpustakaan Negara (Kepala P. 22).

Jumlah Anggaran yang diperlukan untuk belanja mengurus ialah \$49,163,900 dan bagi pembangunan pula ialah \$97,862,050. Anggaran ini ialah untuk maksud-maksud seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 36 dan 37 Tahun 1977, dan keterangan-keterangan mengenainya adalah seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 38 Tahun 1977.

Mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus.

Kepala B. 16 — Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan
— (\$8,720,600)

Kementerian saya memerlukan peruntukan bagi perbelanjaan mengurus sebanyak \$8,720,600 bagi tahun 1978. Organisasi Kementerian ini sedang disusun semula dengan mengujudkan beberapa jawatan baru memandangkan kepada beban kerja yang kian bertambah tiap-tiap tahun. Daripada peruntukan

\$8,720,600 sebanyak \$8,031,676 adalah diuntukkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan untuk menampung perbelanjaannya dalam penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan. Walaupun perkara Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, Pejabat Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian saya, sebagai ejen Kerajaan Persekutuan sentiasa berhubung rapat dengan memberi nasihat dan panduan. Pejabat tersebut sedang giat menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia yang belum lagi menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan agar melaksanakannya dengan secepat mungkin.

Dalam melaksanakan dasar Kerajaan untuk menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan, Pejabat tersebut akan menjalankan penyelidikan dan kajian yang mendalam terhadap beberapa aspek yang penting bagi memajukan jentera pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan. Pejabat tersebut dijangka akan mengadakan bengkel-bengkel Kerajaan Tempatan di peringkat Wilayah bagi tujuan memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan untuk melengkapkan diri menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul apabila undang-undang Kerajaan Tempatan dikuatkuasakan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Juga dalam tahun 1978 pihak Perbendaharaan telah memindahkan ke Pejabat tersebut peruntukan sejumlah \$7.5 juta bagi pembayaran carum bantuan cukai kepada Penguasa-penguasa Tempatan sepertimana dikehendaki di bawah Fasal 156 Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah satu tindakan yang baik kerana kerja-kerja pembayaran ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Organisasi Bahagian Kerajaan Tempatan juga telah menyusun semula dengan mengujudkan satu yunit Teknikal yang mengandungi pegawai-pegawai Ikhtisas seperti Pegawai Kesihatan dan Jurutera Perbandaran.

Yunit Teknikal tersebut akan memberi nasihat mengenai “urban drainage”, “sewerage”, “urban sanitation” serta membantu Penguasa-penguasa Tempatan merancang projek-projek bagi membaiki kesihatan taraf kehidupan rakyat.

Kepala B. 17 — Jabatan Perancang Bandar dan Desa — (\$1,870,000)

Bagi tahun 1978 Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan peruntukan sebanyak \$1,870,000 dan ini adalah lebih sebanyak \$461,000 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977. Tambahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan gaji menurut laporan Kabinet serta tambahan sembilan jawatan di Jabatan tersebut.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah terus memberikan perhatian khas kepada masalah perancangan bukan sahaja kepada aspek fizikal dan alam sekitar tetapi juga kepada sosial dan ekonomi kawasan-kawasan bandar di negara kita. Kajian proses urbanisasi dan pembetulan semula bandar dan luar bandar adalah bergantung khas kepada perancangan struktur fizikal, di mana corak penempatan yang sempurna ditentukan untuk mempengaruhi bentuk penempatan bandar bagi pembantu proses pembangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan kawasan termasuk kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Aktiviti-aktiviti Jabatan ini untuk tahun 1978 adalah lanjutan perkhidmatan-perkhidmatan perancangan tahun ini baik dalam bidang perancangan kawasan bandar ataupun perancangan bandar-bandar baru. Dalam perancangan kawasan Ibu Pejabat akan melanjutkan perancangan pembangunan dan perancangan kawasan bagi Negeri Melaka, Kedah dan Johor Barat. Dalam aspek perancangan kawasan luar bandar pula, Jabatan ini akan menyediakan pelan-pelan perkampungan serta pusat bandar bagi semua kawasan FELDA di samping kajian balik kesan-kesan pembangunan di sekitar gugusan

FELDA yang dirancangkan. Di bawah aktiviti-aktiviti perancangan kawasan bandar Jabatan ini akan melanjutkan kajian-kajian ekonomi yang berkaitan dengan keperluan pelan-pelan induk seperti membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan melaksanakan kerja dan tugas-tugas ke arah persediaan pelan induk yang diperlukan mengikut kehendak Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976. Dalam menyediakan pelan-pelan struktur dan pelan induk tersebut Jabatan ini akan terlibat di peringkat permulaan, dalam kajian bandar Kuantan, Ipoh, Petaling Jaya, Melaka, Kluang dan mungkin juga terlibat menyediakan pelan induk untuk Bandaraya Kuala Lumpur.

Di bawah aktiviti-aktiviti perancangan bandar-bandar baru Jabatan ini akan meneruskan khidmat kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dalam penyediaan dan melaksanakan rancangan 32 bandar-bandar baru dalam projek Pahang Tenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penyelarasan kerja-kerja untuk pihak pakar-pakar perunding berkaitan dengan persediaan tiap-tiap peringkat kerja-kerja akan juga dijalankan. Dalam bidang penyelidikan dan latihan pula selaras dengan Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976, beberapa penyelidikan perancangan terpaksa dijalankan agar pelan yang disediakan boleh dilaksanakan dengan licin dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan latihan juga dijangka akan bertambah terutama sekali latihan praktik bagi penuntut-penuntut Pengajian Tinggi di Malaysia.

Kepala B. 18 — Jabatan Perkhidmatan Bomba Semenanjung Malaysia — (\$16,565,300)

Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah memerlukan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak \$16,565,300 bagi tahun 1978. Adalah menjadi tanggungjawab dan objektif utama Jabatan ini menentukan dasar-dasar bagi memberi perkhidmatan kebombaian cekap bagi keteguhan perlindungan dan pencegahan kebakaran bagi keselamatan nyawa

dan harta-benda sesuai dengan peringkat-peringkat bahaya kebakaran di sesuatu kawasan selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi moden dan sosial ekonomi negara. Untuk mencapai objektif tersebut maka empat aktiviti-aktiviti telah diadakan di Jabatan ini iaitu Pentadbiran Am, Operasi, Pencegahan Kebakaran dan Latihan.

Dengan terlaksananya penyatuan Perkhidmatan Bomba negeri-negeri di Semenanjung Malaysia di bawah Jabatan Bomba Persekutuan maka semua tanggungjawab dan fungsi Perkhidmatan Bomba di seluruh Semenanjung Malaysia telah dapat diselaraskan sejajar dengan pembangunan negara yang sedang berkembang dengan pesatnya. Langkah-langkah untuk memperbaiki Perkhidmatan Bomba sedang dilakukan secara berperingkat-peringkat dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah menjadi rancangan dan dasar Jabatan ini untuk meningkatkan lagi mutu dan prestasi Perkhidmatan Bomba dengan menambahkan bilangan anggota kepada keadaan yang sesuai dan "standard". Dalam mencapai matlamat ini Jabatan ini terus akan mengadakan kempen-kempen penerangan, nasihat dan kursus kebombaian bukan sahaja kepada anggota-anggota Perkhidmatan Bomba bahkan juga kepada orang awam, kakitangan-kakitangan Kerajaan, kakitangan Perbadanan-perbadanan Berkanun dan swasta. Dengan pengambilan liah Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri maka Jabatan ini sedang menguruskan pengambilan anggota-anggota bomba yang baru supaya dapat meninggikan mutu Perkhidmatan Bomba. Dalam tahun 1978, Jabatan ini adalah dijangka mengambil seramai 1,905 orang anggota-anggota baru jika dibandingkan dengan 510 orang bagi tahun 1977.

*Kepala B. 19 — Jabatan Arkib Negara —
(\$1,738,500)*

Jabatan Arkib Negara adalah memerlukan peruntukan sebanyak \$1,738,500 untuk menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawabnya yang kian bertambah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1977, sebanyak

\$440,500 atau lebih kurang 13.4 peratus. Perambahan peruntukan ini mencerminkan perambahan dan pemelesaian tugas-tugas serta perolehan bahan-bahan untuk Rekod Negara supaya dapat memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti, di samping usaha-usaha ke arah pengambilan dan persediaan maklumat serta memelihara segala bahan berkenaan dengan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam projek Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR) yang ditubuhkan pada tahun 1976. Pada tahun 1978 jumlah kakitangan ialah 184 jika dibandingkan dengan jumlah kakitangan tahun 1977 iaitu seramai 174 orang. Tambahan peruntukan juga adalah akibat daripada kenaikan gaji menurut Lapuran Kabinet.

Pada keseluruhannya kerja-kerja Jabatan ini terus dipesatkan. Kepentingan pengurusan rekod adalah disadari dan Jabatan-jabatan dalam sektor awam dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Arkib Negara digunakan dengan sepenuhnya. Jumlah rekod-rekod yang akan diterima pada tahun hadapan adalah dijangka meningkat dan begitulah juga bilangan penyelidik yang menggunakan kemudahan-kemudahan penyelidikan di Arkib Negara. Untuk memberitahu orang lain mengenai bahan-bahan yang tersimpan di Arkib Negara dan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan bahan-bahan di dalam simpanan Jabatan ini maka kemudahan-kemudahan untuk para penyelidik telah disediakan dengan mengadakan penerbitan-penerbitan seperti senarai penjelasan Arkib, inventori-inventori rekod dan Penyata Tahunan Arkib Negara yang dikeluarkan tiap-tiap tahun. Penerbitan siri ucapan Allahyarham Tun Abdul Razak bagi tahun 1960, 1961, 1971, 1972, 1973 dan 1974 telahpun dikeluarkan dan diedarkan untuk dijual di dalam dan di luar negeri. Siri ucapan-ucapan ini akan terus diterbitkan dari masa ke semasa.

*Kepala B. 20 — Jabatan Cetak Kerajaan
Malaysia — (\$16,915,400)*

Bagi tahun 1978 Jabatan ini adalah memerlukan peruntukan sebanyak \$16,915,400.

Ini adalah merupakan lebih sebanyak \$450,400 atau 2.74 peratus dari anggaran belanja mengurus 1977. Dari jumlah anggaran tersebut sebanyak \$7,439,172 ialah untuk perbelanjaan emolumen kakitangan berbanding dengan \$6,111,720 untuk tahun 1977. Lebih sebanyak 21.72 peratus tersebut adalah bagi menampung emolumen untuk 86 jawatan baru dan juga kenaikan gaji mengikut tanggagaji baru Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Sebanyak \$7,747,800 ialah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan angka ini merupakan kekurangan sebanyak \$1,832,140 atau 19.12 peratus, oleh kerana Jabatan ini terpaksa mengurangkan pembelian bekalan kertas memandangkan kekurangan tempat untuk menyimpannya.

Untuk belanja pemilikan harta modal pula, sebanyak \$1,728,428 adalah diperlukan. Ini merupakan lebih sebanyak 123.44 peratus. Lebih ini adalah kerana banyak mesin-mesin percetakan lama telah dikondem dan dikehendaki diganti dengan mesin-mesin baru. Jabatan ini akan membeli 2 buah mesin jenis Two Colour Perfector dan ini adalah buat kali pertamanya Jabatan ini akan mempunyai mesin seperti itu. Pesanannya telahpun dibuat dan pembekalan mesin-mesin ini adalah dijangka dalam pertengahan tahun 1978. Dengan adanya kedua-dua mesin tersebut maka dapatlah Jabatan ini mengendalikan kerja-kerja dengan lebih berkesan dan memuaskan pada masa hadapan.

Kepala B. 21 — Jabatan Pertahanan Awam
— (\$1,314,400)

Dalam tahun 1978 Jabatan ini adalah memerlukan peruntukan sebanyak \$1,314,400. Kegiatan Jabatan ini sekarang adalah ditumpukan ke dalam dua aktiviti sahaja iaitu Pentadbiran Am dan Latihan Pasukan Pertahanan Awam. Dalam Tahun 1978 Jabatan Pertahanan Awam akan memberikan lebih tumpuan kepada latihan anggota-anggota sukarela Pertahanan Awam yang akan menentukan pencapaian matlamat dasarnya serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi.

Pada keseluruhannya perbelanjaan Jabatan ini untuk tahun 1978 adalah bertambah sebanyak \$183,700 sahaja berbanding dengan peruntukan tahun 1977. Sejumlah besar daripada tambahan ini adalah kerana kenaikan gaji kakitangan sebanyak \$142,829 yang disebabkan oleh pelaksanaan tanggagaji baru dan selebihnya adalah di bawah Pecahan Kepala 2100 untuk bayaran elaun latihan bagi anggota-anggota baru sukarela Pasukan Pertahanan Awam yang pengambilannya akan dibuat pada tahun 1978.

Kepala B. 22 — Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia — (\$2,039,700)

Jabatan ini akan memerlukan peruntukan sebanyak \$2,039,700 di bawah perbelanjaan mengurus. Peruntukan ini adalah melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$550,350 atau lebih kurang 36 peratus.

Tambahan peruntukan dalam perbelanjaan mengurus ini adalah sebahagiannya disebabkan pelaksanaan Lapuran Kabinet dan juga mencerminkan perkembangan pesatnya Perpustakaan Negara dari segi kakitangan, koleksi dan perkhidmatan. Mulai daripada bulan Januari, 1977, Perpustakaan Negara telah dijadikan sebagai Jabatan Persekutuan dan dipisahkan daripada Jabatan Arkib Negara. Koleksi Perpustakaan Negara dijangka akan melebihi seratus ribu naskah dalam tahun 1978 dan pembaca-pembaca juga akan melebihi 40 ribu. Sambutan orang ramai terhadap pembukaan perkhidmatan Perpustakaan Awam bagi Wilayah Persekutuan adalah sangat menggalakkan dan dijangka pinjaman bahan-bahan akan bertambah juga. Perluasan perkhidmatan tersebut memerlukan ruang tambahan di Bangunan M.A.B.A., Kuala Lumpur. Penerbitan Bibliografi Negara Malaysia, 'Index' Majallah Malaysia dan alat-alat Bibliografi lain serta 'input' dalam sistem I.S.D.S. dan A.G.R.I.S. akan bertambah lagi dalam tahun 1978. Jabatan ini juga dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam penyelarasan dan perkembangan Perpustakaan Awam, khususnya pada peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menearangkan Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1978.

Kepala P. 16 Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, \$81,706,000. Anggaran Pembangunan bagi Kepala ini yang dipinta ialah \$81,706,000 dan ini merupakan tambahan sebanyak \$59,390,940 daripada peruntukan tahun 1977. Wang yang dipinta itu akan digunakan bagi maksud-maksud seperti berikut. Ibu pejabat \$590,000 geran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur \$7,691,000 geran dan \$69,000,000, Pinjaman Majlis Perbandaran Pulau Pinang \$1,850,000 pinjaman, Majlis Perbandaran Ipoh \$2,500,000 pinjaman dan Majlis Perbandaran Melaka \$75,000 pinjaman.

Dari jumlah \$81,706,000 yang disebutkan tadi sebanyak \$8,281,000 adalah untuk geran dan sebanyak \$73,425,000 adalah untuk pemberian pinjaman. Kementerian saya sedang giat bertindak untuk meluaskan kawasan Penguasa-penguasa Tempatan supaya kemudahan-kemudahan seperti yang boleh diberi oleh Penguasa-penguasa Tempatan, dapat juga dinikmati oleh kawasan-kawasan luar bandar dan juga untuk menyatukan Penguasa-penguasa Tempatan agar ianya menjadi lebih besar cekap dan berkesan.

Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 telah diluluskan oleh Parlimen dan undang-undang tersebut telahpun diedarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan adalah dijangka sebahagian besar dari Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia akan menguatkuasakan Akta ini menjelang tahun 1978. Dengan kedudukan yang sedemikian Bahagian Kerajaan Tempatan adalah dijangka akan bergerak dengan lebih pesat lagi apabila proses penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan diperhebatkan lagi pada masa akan datang.

Di bawah Ibu Pejabat (Pecahan-Kepala 1) anggaran sebanyak \$590,000 adalah dipinta supaya Kementerian saya dapat melaksanakan beberapa projek-projek kecil di kawasan-kawasan bandar dan Majlis Tempatan. Projek-projek tersebut adalah mustahak dilaksanakan di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan dan ianya adalah menjadi sebagai bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat.

Untuk tahun 1978 jumlah geran yang diperlukan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah berjumlah \$7,691,000 iaitu bagi Pecahan Kepala 12 hingga 16 dan 18 hingga 21. Peruntukan tersebut adalah untuk menjalankan berbagai-bagai projek di dalam kawasan Wilayah Persekutuan seperti pembinaan depoh dan bengkel Cheras, pembinaan cawangan depoh Utara dan Selatan, pembinaan pejabat-pejabat cawangan bandaraya, pembinaan balai-balai bomba dan pembelian kenderaan, pembinaan pasar borong utara dan juga untuk menampung perbelanjaan bagi pusara negara, kemudahan-kemudahan sosial, jalan-jalan dan jambatan-jambatan dan taliair.

Jumlah pinjaman yang dikehendaki di bawah Pecahan Kepala 11 dan 17 adalah merupakan jumlah pinjaman yang akan diberi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jumlah pinjaman yang dipinta itu ialah \$69,000,000. Daripada jumlah tersebut \$9.5 juta adalah untuk kerja-kerja lanjutan pembinaan bangunan Dewan Bandaraya dan \$59.5 juta adalah untuk perbelanjaan pelan induk saluran najis. Projek pembinaan bangunan Dewan Bandaraya adalah supaya dapat menempatkan semua Jabatan-jabatan Dewan Bandaraya di satu bangunan bagi menjamin lagi kecekapan perkhidmatan dan juga mengurangkan kesukaran kepada pembayar-pembayar cukai dan orang awam mengurus dengannya. Projek ini adalah projek lanjutan daripada tahun 1977, dan adalah dijangka siap pada pertengahan tahun 1980. Projek

pelan induk saluran najis pula adalah untuk memberi perkhidmatan saluran najis kepada 200,000 orang penduduk lagi dalam peringkat pertama, yang mana akan disiapkan dalam tahun 1981.

Jumlah sebanyak \$1.85 juta adalah dikehendaki sebagai pemberian pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang iaitu di bawah Pecahan Kepala 35. Jumlah anggaran projek tersebut bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$4.65 juta. Kerja-kerja asas projek tersebut adalah dijangka dimulakan pada awal tahun 1978.

Untuk Majlis Perbandaran Ipoh iaitu Pecahan Kepala 42, pinjaman sebanyak \$2.5 juta adalah dipinta bagi maksud pembinaan pasar baru Ipoh. Ini adalah untuk menggantikan pasar lama yang sebahagiannya telah terbakar dahulu. Projek ini adalah projek lanjutan daripada tahun 1977.

Majlis Perbandaran Melaka (Pecahan Kepala 46) adalah memerlukan pinjaman sebanyak \$75,000 dalam tahun 1978. Pinjaman ini adalah untuk melanjutkan projek-projek pembinaan dan pembaikan sistem parit di kawasan-kawasan yang rendah, supaya mengatasi masalah-masalah banjir di kawasan-kawasan tersebut.

Kepala P. 18 — Jabatan Perkhidmatan Bomba — (\$11,579,000)

Jabatan ini memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$11,579,000 bagi tahun 1978. Jumlah ini merupakan lebih sebanyak \$5,565,300 daripada peruntukan tahun 1977. Tambahan tersebut adalah juga disebabkan oleh penyatuan Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri di bawah Perkhidmatan Bomba Pusat. Dengan penyatuan tersebut dalam tahun 1967 Jabatan Bomba Persekutuan telahpun membuat satu rancangan pembinaan secara berperingkat-peringkat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam rancangan tersebut perbelanjaan \$6,000,000 dalam tahun 1977 adalah merupakan peringkat yang pertama

dan jumlah \$11,579,000 yang saya sebutkan tadi adalah dikehendaki bagi peringkat kedua iaitu bagi tahun 1973.

Adalah menjadi rancangan dan dasar Jabatan ini untuk meningkatkan lagi mutu dan kecekapan Perkhidmatan Bomba di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Untuk mencapai tujuan ini Jabatan tersebut akan mengganti dan menambah secara berperingkat-peringkat bilangan kereta-kereta bomba pada tiap-tiap balai bomba dengan berbagai jenis kenderaan sesuai dengan keadaan setempat. Kenderaan-kenderaan tersebut adalah seperti "water tender, snorkel" dan lain-lain. Jabatan ini juga akan melengkapkan tiap-tiap balai bomba dengan alat-alat kelengkapan pemadam api dan kebombaannya yang sesuai dan moden. Dalam keadaan sekarang adalah didapati bahawa balai-balai bomba yang sedia ada di peringkat negeri adalah lama dan usang dan ianya hendaklah digantikan dengan balai-balai bomba yang baru dan moden supaya dapat memperbaiki lagi perkhidmatan kebombaannya. Balai-balai baru haruslah juga diadakan di kawasan-kawasan pembangunan sosial ekonomi dan perkembangan penduduk yang begitu pesat.

Kepala P. 19 — Jabatan Arkib Negara Malaysia — (\$2,000,010)

Peruntukan yang dipinta oleh Jabatan ini bagi tahun 1978 ialah berjumlah \$2,000,010. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$2 juta adalah untuk projek pembinaan bangunan Arkib Negara. Projek ini telah dijangka bermula dalam tahun 1975 lalu tetapi telah tergendala oleh kerana tapak bangunan telah diambil oleh Jabatan Kerjaraya untuk penyusunan sistem lalulintas di Kuala Lumpur. Tapak seluas lebih kurang tujuh ekar telah diperuntukkan bagi bangunan Arkib Negara di Jalan Duta dan kerja-kerja asas pembinaan telahpun dijalankan selepas bulan Julai, 1977. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$5.8 juta.

Baki sebanyak \$10.00 adalah dipinta sebagai peruntukan tanda bagi projek rancangan rekod-rekod penting negara. Tujuan projek ini ialah untuk menjalankan satu projek mengenai keselamatan rekod-rekod penting negara yang akan meliputi usaha membuat salinan semua rekod-rekod penting Kerajaan yang masih dipakai, supaya salinan di dalam bentuk "micro-film" dapat disimpan di satu tempat berasingan daripada rekod asalnya. Rancangan yang dicadangkan itu ialah untuk mengujudkan satu bahagian Arkib Negara yang akan bertanggungjawab untuk menyediakan rekod-rekod penting Kerajaan di dalam bentuk "micro-film", serta menyusun, mengklas dan mengindekskan rekod-rekod ini bagi kemudahan rujukan. Pada peringkat permulaan rekod-rekod tersebut akan disimpan di bangunan baru Arkib Negara.

Kepala P. 20 — Jabatan Cetak Kerajaan — (\$2,077,020)

Bagi tahun 1978 Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$2,077,020 berbanding dengan \$3,193,000 untuk tahun 1977. Daripada jumlah ini sebanyak \$400,000 adalah untuk pembinaan Pejabat Percetakan baru cawangan Miri, Sarawak dan \$154,966 adalah untuk menyiapkan Bangunan Penjualan Penerbitan di Ibu Pejabat dan kerja-kerja tambahan di cawangan Ipoh dan Alor Setar. Bakinya sebanyak \$1,522,054 ialah bagi membeli mesin-mesin percetakan yang baru. Ini adalah merupakan peruntukan yang terakhir daripada jumlah yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, akan tetapi Jabatan ini akan mengemukakan satu peruntukan tambahan semasa "mid-term review" kelak bagi pembelian kelengkapan tambahan yang sangat-sangat perlu dan mustahak.

Kepala P. 22 — Jabatan Perpustakaan Negara — (\$500,020)

Jabatan Perpustakaan Negara adalah memerlukan peruntukan sebanyak \$500,020 bagi tahun 1978. Peruntukan ini termasuk

peruntukan tanda \$10.00 bagi bangunan Perpustakaan Negara. Permohonan bagi tapak baru bagi Perpustakaan Negara telah pun dibuat. Satu lagi peruntukan tanda sebanyak \$10.00 telah dibuat bagi perkembangan koleksi buku-buku. Baki peruntukan sebanyak \$500,000 itu akan digunakan sebagai bantuan untuk membantu pihak Kerajaan-kerajaan Negeri memperkembangkan perkhidmatan Perpustakaan Awam pada peringkat negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, sebagai kesimpulannya jumlah anggaran yang dipinta untuk tahun 1978 bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya ialah seperti berikut:—

Anggaran Belanja Mengurus 1978

Kepala B. 16	—	\$ 8,720,600
Kepala B. 17	—	\$ 1,870,000
Kepala B. 18	—	\$16,565,300
Kepala B. 19	—	\$ 1,738,500
Kepala B. 20	—	\$16,915,400
Kepala B. 21	—	\$ 1,314,400
Kepala B. 22	—	\$ 2,039,700
Jumlah	—	<u>\$49,163,900</u>

Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 1978

Kepala P. 16	—	\$81,706,000
Kepala P. 18	—	\$11,579,000
Kepala P. 19	—	\$ 2,000,010
Kepala P. 20	—	\$ 2,077,020
Kepala P. 22	—	\$ 500,020
Jumlah	—	<u>\$97,862,050</u>

Tuan Pengerusi, saya mohon izin tuan untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Kepala-kepala B. 16 hingga B. 22 menjadi sebahagian daripada jadual bil perbekalan dan jumlah yang dipinta bagi Kepala-kepala P. 16, P. 18, P. 19, P. 20 dan P. 22 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

3.54 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, semenjak

terlulusnya Undang-undang Kerajaan Tempatan beberapa buah negeri telah mengadakan susunan semula Kerajaan Tempatannya termasuk juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Di dalam Negeri Pulau Pinang terdapat satu cara penyusunan di mana seluruh Pulau Pinang itu dijadikan kawasan bandar di luar Majlis Perbandaran (Municipal Council) dan seluruh bidang Seberang Prai itu dijadikan kawasan di bawah pentadbiran Kerajaan Tempatan Majlis Perbandaran Seberang Prai. Yang demikian boleh dikatakan dalam Negeri Pulau Pinang itu tidak lagi ada kawasan luar bandar pada Undang-undang ikut Kerajaan Tempatan. Kedua-dua pulau dan juga tanah yang berhadapan dengannya sudah dijadikan perbandaran. Pada hakikat orang kampung di desa masih hidup sebagai penanam padi, sebagai nelayan, hidup berpondok yang jauh kemajuannya daripada terdapat di bandar-bandar. Ini satu perkara yang telah membangkitkan teguran dan rayuan daripada orang kampung setiap-tiap daripada bahagian UMNO dalam Negeri Pulau Pinang telahpun membuat ketetapan dan telah menyerahkan ketetapan ini kepada semua pihak, pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Kerajaan Pusat, kepada mana sahaja yang dapat dibuat permohonan dan rayuan supaya perkara ini dipertimbangkan semula, akan tetapi sayangnya setakat hari ini tidak nampak ada sebarang kesan daripada permohonan dan permintaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala mana?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Di bawah Kepala B. 16 dan khususnya saya akan balik note itu kepada muka surat 101 di bawah Butiran 4100, Aktiviti (3) Bantuan kepada Lembaga Tempatan kerana Cukai Tempatan.

Tuan Pengerusi: Sabar! muka 91 bukan Kementerian ini. Muka surat berapa?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Muka 101 dalam Belanjawan Persekutuan

Tahun 1978, Butiran 4100, Aktiviti (3) Bantuan kepada Lembaga Tempatan kerana Cukai Tempatan. Itu yang saya akan membawa hujjah saya kemudiannya tetapi ini sebagai latar belakang untuk menerangkan bagaimana masalah ini....

Tuan Pengerusi: Sabar! sabar! Kita sekarang dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan bermula muka surat 99 hingga 101.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Muka 101. Saya akan bawa hujjah saya ini tertumpu kepada Aktiviti (3), Butiran 4100 yang berkait dengan perkara Bantuan kepada Lembaga Tempatan kerana Cukai Tempatan dan sebagainya yang tercatat dalam buku ini sebanyak \$7½ juta, itu dia maudhuk saya tetapi yang saya kata sepatah dua itu ialah sebagai latar belakang supaya menjelaskan apa yang saya sebut.

Tuan Pengerusi: Latar belakang sedikit bolehlah tetapi tadi dasar dan dasar hendaklah dicakap pada masa membincangkan dasar dahulu. Sila teruskan!

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya beri ini sebab saya rasa masalah itu banyak tetapi ini satu masalah juga kerana untuk menjalankan perkhidmatan cara bermunicipal bergantung kepada hasil pendapatan yang dapat dipungut secukup untuk menampung perbelanjaannya dan biasanya di mana-mana dunia pun hanya kawasan-kawasan yang dianggap sudah cukup kemajuannya yang boleh diiktirafkan sebagai kawasan yang sesuai untuk dimasukkan dalam kawasan municipality, akan tetapi jikalau hendak masukkan semua kawasan bendang, kawasan luar bandar, semua kampung, tentulah akan menjadi keberatan — susah hendak mendapatkan hasil kutipan untuk cukup menjalankan pentadbiran cara municipality. Itu yang saya buat sebagai perhatian tetapi bila sudah dibuat perkara ini, keduanya bila kita cantumkan semua kawasan

dan mentadbir di bawah satu Majlis Perbandaran sudah kena pada tempatnya setiap kawasan itu mesti diberi layanan yang sama. Tetapi jika terdapat keadaan kemajuan begitu berbeza daripada yang terdapat di tempat asal, seperti bandar George Town dan kampung seperti Balik Pulau dan hendak beri layanan saksama menjadi satu keberatan, barangkali tak mampu, tak bertanggung oleh satu-satu badan itu. Selain daripada itu yang terdapat pada hari ini di Pulau Pinang dan Seberang Prai. Kedua-dua Majlis ini yang pada dahulunya bukan sahaja cukup, tetapi kelebihan hasil pungutan cukainya untuk pentadbiran biasa, pada hari ini sudah menjadi bengkerap, sudah tidak lagi ada kemampuan untuk menanggung segala perbelanjaan. Ini yang saya tumpukan pada hari ini.

Saya sebagai Wakil Rakyat kawasan saya sendiri khususnya, sebagai Wakil Rakyat Melayu Pulau Pinang khususnya, sebagai Wakil Rakyat penduduk luar bandar amnya, mengambil kesempatan waktu kita membahaskan ini membuat rayuan lagi atas nama rakyat supaya semua pihak berkuasa yang berkenaan samada pihak yang berkuasa pusat ataupun negeri, sama-sama menjalankan. Apabila pergi ke Negeri, katanya bukan kami yang buat, kami diperintahkan oleh Kerajaan Pusat supaya buat ini; pergi kepada Pusat, bukan kami yang perintahkan, Negeri yang hendak buat ini. Orang ramai tidak tahu siapa yang membuatnya, tetapi orang ramai menikmati dan menanggung samada kebaikan ataupun keburukannya. Pada orang ramai cuma buat rayuan supaya perkara ini dibetulkan, samada perkara itu dapat dilaksanakan oleh Pusat ataupun Negeri tidak mengapa, buat rayuan.

Lepas itu saya suka juga bagi pihak umat Pulau Pinang tanpa kira bangsa, tanpa kira kedudukan mereka, semua penghuni Negeri Pulau Pinang, Seberang Prai membuat rayuan kepada Kerajaan Pusat khususnya kepada Kementerian Kerajaan Tempatan supaya sudi mempertimbangkan, memberi bantuan secukupnya, cara kewangan supaya dapat mene-

bus keadaan kedua-dua Majlis Perbandaran ini yang menghadapi keadaan kebengkarapan sekarang ini yang tidak cukup wang bukan sahaja perbelanjaan untuk membayar gaji, kerana tambahan pula dengan tunggakan, kenaikan gaji kepada tanggagaji baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebagaimana yang disahkan mengikut Jawatankuasa Kabinet. Itu semua menjadi beban yang Kerajaan Tempatan dalam Negeri Pulau Pinang, samada di pulau ataupun di Seberang Prai tak mampu, tak sanggup dan tak ada nampak kemungkinan menjalankan kerjanya melainkan Kerajaan Pusat sanggup memberi bantuan.

Bagi penduduk Pulau Pinang tidak sanggup lagi menanggung beban membayar cukai tambahan. Sudah cukup berat dan cara yang dijalankan itupun sudah cukup sakitnya, kalau hendak bebankan lagi kepada orang ramai, kesannya akan sangat buruk, mereka akan menentang secara berkesan yang mungkin akan juga mendatangkan perubahan dalam corak Kerajaan dan pemerintahan dalam Negeri Pulau Pinang semasa ini. Sesiapa yang berani mencabar penduduk-penduduk Pulau Pinang dan mengubah cara cukai supaya carikan duit secukupnya untuk menjalankan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang itu akan terima sikap balasan daripada penduduk Pulau Pinang dengan tegas. Cuma satu jalan sahaja yang ada iaitu daripada pihak Kerajaan Pusat memberi pemberian di bawah Kepala 4100 ceraian (3) ini. Tetapi bila saya lihat setakat \$7,500,000 untuk seluruh Semenanjung nampaknya tentu sekali tidak cukup, kurang sangat, tak cukup untuk satu daripada dua Majlis di Pulau Pinang itupun, kekurangannya lebih daripada itu. Inilah saya harap dan saya minta betul-betul supaya Kerajaan akan cari jalan sekurang-kurangnya memberi pengakuan menanggung gaji bagi semua kakitangan kedua-dua Majlis ini — Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai.

Sekiranya Majlis-majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Prai ini tidak mampu

menjalankan pentadbirannya atas kutipan cukainya sendiri, saya rasa kalaulah corak ini dijalankan di lain-lain negeri, bukan sahaja kerana saya hendak bangga kami di Pulau Pinang itu lebih kaya atau lebih maju tetapi dalam pengalaman apa yang dicubakan di Pulau Pinang itu tidak boleh jalan di lain negeri, itu akan lebih teruk lagi pengalaman mereka nanti. Sebab itu, cuma dua jalan terbuka, susun semula, fikir semula, atur semula, hadkan kawasan Perbandaran itu kepada kawasan yang sanggup, yang mampu sahaja dan biarkan kawasan luar bandar itu terus sebagai kawasan luar bandar dan mengadakan pembesaran (enlargement) kawasan bandar di situ sedikit demi sedikit dengan terbinanya rumah-rumah baru dengan ada built-up area, dengan ada kemampuan cukai untuk menampung keadaan secara municipality. Jangan cara nafsu-nafsi hendak kumkan semua masukkan orang yang di luar bandar yang tak mampu itu sampai kandang kerbau, kambing atau rumah pondok itu mesti berpelan, semua orang mesti berjamban curah dan sebagainya, memang tak tertanggung oleh orang. Ini saya minta dipertimbangkan, kalau hendak jalankan terus juga mestilah dengan Kerajaan Pusat memberi bantuan secukupnya, kalau Kerajaan Pusat tak sanggup Kerajaan Pusat mestilah bertindak cepat mengubah corak yang telah ada, susun semula sehingga dapat dijalankan secara praktik sebagaimana dahulu. Masa dahulu mampu municipality itu boleh jalan, bukan sahaja boleh jalan, Majlis Bandaran Seberang Prai yang kecil itupun waktu diambil alih pada tahun 1969 ada baki berjuta ringgit, itupun habis sudah lingkup dibelanja dan dipakai oleh badan-badan baru yang kononnya untuk menyatukan, bukan menyenangkan orang ramai di luar bandar tetapi menyusahkan orang luar bandar tanpa memberi balasan yang diharapkan oleh orang-orang luar bandar. Itu satu perkara, Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua yang saya suka menyenutuh ialah berkenaan dengan perkara di bawah Kepala B. 20, berkaitan dengan Jabatan Percetakan. Perkara yang saya hendak bangkit-

kan ini bukan kali yang pertama, bahkan setiap tahun semenjak saya menjadi Ahli Dewan yang mulia ini dan telah berulang kali dan saya tidak segan ulangkan sekali lagi. Pada kali inipun kita diberi Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara bertarikh 23hb Januari, 1967, Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat bertarikh 16hb April, 1976, setahun lebih baru terima Penyata yang bercap ini. Saya tak tahu salahnya di mana, tetapi oleh sebab nampaknya disebut di sini dicetak oleh Ibrahim bin Johari, PIS, Ketua Pengarah Percetakan, Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur, tak dapat tidak saya cuma bertanya Menteri yang menjaga Jabatan ini pada hari ini apa sebabnya yang begitu lewat. Ini bukan sekali, saya tiap-tiap tahun sudah sungutkan ini, tahun sudah begitu dan sebelum itupun begitu, tak berubah-ubah. Pendeknya, apa yang kita katakan tak laku. Bukan itu sahaja, barangkali kita rasa segala perbincangan yang berlaku dalam Dewan ini pun tak berguna, tak ada mutu setahun kemudian cap pun tak ada, buang masa sahaja. Ini saya rasa satu kehinaan kepada kita semua Ahli Parlimen, ini satu kehinaan kepada institusi Parlimen kita. Ini satu cabaran kepada pemerintah dan Kerajaan kita. Betulkah kita percaya demokrasi berparlimen ataupun ini semua kata-kata palsu? Penyata Rasmi Parlimen (*Hansard*) sehingga 2 tahun, baru dicetak dan disiarkan. Ini satu perkara yang saya fikir tak dapat kita biarkan lagi. Saya harap Menteri yang berkenaan dan juga jabatan atau siapa sahaja yang berkenaan patutlah betulkan perkara ini. Kalau tak sanggup, berilah kepada pencetak swasta banyak yang sanggup buat lebih cepat.

Saya pernah buat cadangan berkenaan dengan Jabatan Cetak Kerajaan, barangkali ada baiknya kalau disusun semula dan dijadikan sebuah badan berkanun yang bercorak perniagaan (commercial) yang boleh berjalan sebagaimana juga perjalanan syarikat percetakan lain yang moden, efficient yang boleh mendatangkan keuntungan pula dan boleh menunaikan kewajipan yang sebenarnya, jangan terikat dengan peraturan Kerajaan sehingga tak dapat menjalankan kerja, tidak

efficient dan tidak memuaskan dan sebagainya yang mana terdapat pada hari ini.

4.13 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dengan jumlah semuanya \$147,025.950. Dalam pada itu inginlah saya menarik perhatian Kementerian yang bertanggungjawab mengenai beberapa perkara yang penting yang tersebut di dalam muka surat 102 di bawah P. 16 iaitu keadaan kedudukan peruntukan yang diberi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya tertarik hati kepada Butiran 14 — pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya yang ada peruntukan di sini secara langsung sebanyak \$500,000 yang saya anggap adalah suatu peruntukan yang amat kecil, peruntukan yang tidak ada mempunyai pandangan jauh dan satu peruntukan seperti melepaskan batuk di tangga, kerana dari segi planning saya perhatikan apa yang berlaku sekarang di dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah dibuat secara *ad hoc* dan tidak sekali pun memandang bagi rancangan masa yang jauh sehinggakan ada kadang-kadang pembangunan Bandaraya dijalankan merupakan pembangunan jangka pendek dan terlupa bahawa manusia daripada satu masa ke satu masa bertambah dan membanjiri Kuala Lumpur ini.

Sebagai contoh saya tengok waktu hujan, beberapa kampung di keliling kawasan Bandaraya ini tenggelam dan tempat hendak mengadu tak ada, semua akan bertumpu ke Dewan Bandaraya kerana hendak mengadu, tidak ada satu pejabat Bandaraya di luar Bandaraya tempat orang ramai mengadu ataupun hendak minta tandatangan pegawai berkenaan. Semua bertumpu di situ. Apakah salahnya pihak Kementerian mencadangkan kepada Bandaraya dan ini adalah merupakan satu cadangan daripada saya selaku Wakil Rakyat

di dalam Bandaraya ini pihak Kerajaan kita menubuhkan majlis satelit Bandaraya, di tiap-tiap kawasan mempunyai majlis bersendirian yang mana kawasan-kawasan yang besar seperti mengikut kedudukan Parlimen yang mana kita boleh dapat kerjasama dan bantuan orang ramai.

Pada hari ini Bandaraya bertanggungjawab menubuhkan misalnya Rukun Tetangga, perhubungan masyarakat dan sebagainya, tetapi Ahli-ahli Jawatankuasa itu tidak mempunyai tugas yang tertentu yang ada hubungan rapat semata-mata mengadakan perjumpaan, jamuan kepada orang ramai, tetapi tidak ada secara terus-menerus untuk berkhidmat yang boleh memberi bantuan saling ganti menganti yang boleh menguntungkan orang ramai dan Bandaraya. Saya harap kalau ditubuhkan majlis satelit ini dengan pegawai-pegawai Bandaraya yang bertanggungjawab dapat kita merangkum dan dapat kita mengetahui kehendak orang ramai di sesuatu kawasan yang tertentu yang telah dibahagikan dan diperuntukkan dan dari situ boleh pihak Bandaraya bertindak secara tegas. Pada hari ini sesuatu kawasan yang telah diluluskan oleh pihak Bandaraya banyak kawasan setinggannya telah diluluskan untuk masuk api letrik, alangkah azabnya orang-orang di kawasan itu segala borang yang telah diluluskan itu hendak mendapatkan tandatangan pegawai, tiap-tiap satu rumah orang itu pergi ke pejabat Bandaraya untuk mendapatkan tandatangan pegawai. Tiap borang itu seorang pegawai hendak tandatangan; kalau ada 500 buah rumah hendak masuk api di satu kawasan itu maknanya 500 permohonan itu ada 4 salinan, jadi pegawai itu kena sains 2,000 kali maka sampai begitu sekali dia bertumpu semua ke pusat. Jadi dengan tidak ada sistem pentadbiran yang teratur maka timbul kesesakan dalam Bandaraya semua orang menumpu ke bandar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan menyusahkan orang ramai. Saya berharap sebagai langkah jangka panjang eloklah Kerajaan Tempatan ini mengarahkan Bandaraya menubuhkan majlis satelit Bandaraya di kawasan yang sedang membangun pada

hari ini sebagai contoh di kawasan Setapak misalnya, di kawasan Datuk Keramat, Kampung Baru sebagai contohnya Pasar Minggu pada hari ini tidak ada satu badan tertentu menjaga keadaan pembangunan Pasar Minggu itu. Setelah bising-bising adakan sekali mesyuarat, lepas itu senyap. Tidak buat apa-apa dan begitu juga saya percaya berlaku di Damansara dan beberapa buah tempat lain.

Apa yang saya khuatir kalau sesuatu tindakan jangka panjang tidak diambil pada ketika ini apabila Bandaraya itu satu ketika kelak penuh dengan penduduk yang meningkat 1½ juta lebih sukar pihak Kerajaan pada ketika itu untuk mentadbirkan dan implimentasikan sesuatu rancangan. Saya percaya pihak Bandaraya dan pihak Kerajaan Tempatan dan Wilayah pada masa ini menghadapi masalah yang amat besar iaitu masalah pelan induk saluran najis. Pemindahan mereka yang terlibat dengan kawasan saluran najis itu tidak selesai bertahun-tahun. Kalau tidak dijalankan rancangan jangka panjang dan mengikut susunan pelan induk itu saya takut pada satu ketika nanti kawasan Bandaraya Kuala Lumpur akan merupakan satu kawasan yang penuh ceramuk tidak tentu arah dan tidak mempunyai planning. Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan mengambil berat dalam perkara ini dan juga dengan satu cara kita dapat teliti peranan orang ramai menimbulkan kesedaran orang ramai mengambil berat dan mengambil peranan yang penting apa yang mereka boleh sumbangkan kepada pihak Bandaraya sendiri dan apa yang saya terangkan, adalah sungutan-sungutan daripada orang ramai sendiri.

Kerajaan menubuhkan berbagai-bagai bentuk Jawatankuasa-jawatankuasa itu mati begitu sahaja. Kalau dapatpun jawatankuasa itu bergerak mengadakan sembahyang ataupun perjumpaan hari raya, perjumpaan itu dan ini, itu sahaja tetapi apabila mereka hendak berdialog dengan pihak Bandaraya sudah timbul masalah tidak ada dan apabila disoalkan kepada pegawai-pegawai Ban-

daraya, tiada arahan dan tiada satu badan, tiada suatu polisi yang tertentu yang mana kemudahan ataupun pertolongan orang ramai yang hendak diberikan ini tidak dapat digunakan. Saya berharap dalam jangka menubuhkan pejabat cawangan-cawangan bandaraya ini eloklah dibentukkan sekali majlis satelit Bandaraya dengan kita menggunakan segala sumbangan dan kerjasama daripada pihak orang ramai, daripada badan-badan Kerajaan yang dibentuk seperti perhubungan masyarakat, Rukun Tetangga, RELA dan sebagainya dan begitu juga yang mengadakan hubungan untuk menyatu-padukan rakyat jelata. Ini adalah satu cara yang penting supaya orang ramai sendiri mendapat kesedaran dan akan memberi bantuan kepada pihak bandaraya.

Pada hari ini saya tahu semuanya dikuasai oleh Bandaraya pusat, sampah tidak berangkut di sesuatu kawasan, semuanya pusat yang menguasai. Pusat itu berapa orang sangatlah pegawainya dan begitu jugalah longkang-longkang yang kotor dan longkang ini tersumbat semuanya hendak mengadu. Jadi apabila satu-satu pengaduan dijalankan tiada tindakan. Sebagai contoh di hadapan rumah saya setelah diuntukkan oleh pihak Bandaraya hendak membuat kawasan permainan kanak-kanak, Tuhan sahaja yang menyelamatkan, Tuan Pengerusi, tanahnya sekarang sudah runtuh dan terus masuk ke dalam lombong 20-40 kaki. Saya lapurkan tiga minggu yang lalu, pada hari ini satu benda pun tidak dibuat. Siapa yang hendak disalahkan. Kalau sudah berlaku kemalangan besok, siapa yang bertanggungjawab. Tetapi hendak disalahkan pihak Bandaraya pula apabila pergi ke sana pegawainya tiada. Tiada pegawainya yang menjaga hal ini. Seorang pegawai itu dia bertanggungjawab keseluruhannya, berpuluh ribu macam masalah yang dihadapinya. Jadi serba salah kami Wakil Rakyat hendak memikirkan kesulitan yang dihadapi oleh pihak Bandaraya walhal perkara ini kalau disusun dan kalau ada satu Majlis Satelit Bandaraya di kawasan Datuk Keramat perkara-perkara ini boleh diserahkan tanggungjawab kepada

majlis tersebut dan ini boleh dijalankan sekurang-kurangnya untuk menyedapkan hati orang ramai ada sesuatu tindakan dijalankan. Tetapi pada hari ini saya percaya di mana jugalah berlaku misalnya di Kampung Lembah, Kampung Puh Seberang apabila hujan satu jam sahaja 50 buah rumah itu terus menjadi banjir, rumah-rumah itu habis, hari-hari berlaku apabila hujan sahaja tetapi di manakah hendak mengadu bila mengadu pegawai tengok cekak pinggang, balik buat laporan, tidak tahu apa hendak jadi. Ini frustration yang berlaku di kalangan penduduk-penduduk di sini. Dalam pada itu mereka kena bayar cukai, kena bayar itu, kena bayar ini, lambat bayar kena hentam. Kata dia apabila kita mengemukakan masalah yang dihadapi oleh orang ramai tindakan daripada pihak bandaraya terlampau lambat tetapi kalau kita lambat bayar, Kerajaan ambil tindakan yang tegas, semua pegawai menjalankan kerja yang tegas, untuk meruntuhkan rumah pun tegas, untuk merampas lesenpun tegas. Tetapi laporan daripada orang ramai tidak ada apa-apa balasan-nya.

Tuan Pengerusi, masalah yang sebenarnya berlaku dan perasaan orang-orang ramai di dalam Bandaraya ini, layanan-layanan yang patut diberi, oleh sebab tiada susunan seperti ini, tiada perasaan contribution orang ramai terhadap bandaraya, maka timbul perasaan perhubungan yang tidak begitu rapat dan begitulah timbulnya ada ketikanya pemuda-pemuda kita yang berlagak vandalism, tidak sayang memecahkan talipon, tidak sayang memecah tembok dan sebagainya. Saya ingat inilah salah satu daripada sebabnya, Tuan Pengerusi. Jadi civic consciousness ini tidak ditanamkan kerana tiada hubungan dan tidak ada kita tanamkan semangat tanggungjawab di kalangan penduduk-penduduk di dalam Bandaraya ini sendiri oleh pihak yang bertanggungjawab sendiri. Dengan sebab itu saya minta sekali lagi pihak yang berkenaan mengambil tindakan dalam perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berbesar hati mendengar Menteri kita menerangkan

tadi mengenai masalah bomba. Dalam perkara bomba ini, Tuan Pengerusi, sekali lagi ingin saya menarik perhatian iaitu kita lihat pada hari ini Pejabat-pejabat ataupun rumah-rumah bomba semuanya ditempatkan di kawasan yang sesak lalu-lintas orang ramai. Maka sebab itulah apabila satu kebakaran berlaku pihak bomba mengambil masa hendak sampai kepada sesuatu matlamatnya misalnya, Balai Bomba di Sungai Besi letaknya betul-betul di simpang empat, rel keretapi dekat situ, lampu merah dekat situ dan sebagainya. Tempat ini sesak sekali. Jadi apabila sesuatu panggilan dibuat macam mana kereta bomba ini hendak keluar dengan cepat. Kalau misalnya pada hari ini ada traffic jam di situ. Memandangkan kepada perkara ini, saya minta pihak Menteri resiting, atau mengubah balik kawasan-kawasan tempat letak pejabat bomba ini yang sesuai supaya pihak-pihak yang berkenaan boleh mengambil tindakan apabila berlaku sesuatu kebakaran dan pejabat-pejabat yang ada ini ditutup dan diberikan kepada tempat-tempat yang lain atau kepada satu kawasan yang sesuai yang boleh menjalankan latihan dan boleh mengambil tindakan. Sebab perkara ini, diletakkan di situ lebih kurang dua puluh tahun di zaman penjajah dahulu tempat itu kosong, tetapi pada hari ini kawasan itu telah bertambah sesak. Jadi terpulang kepada kita untuk memikirkan supaya diubahsuaikan tempat letak pejabat-pejabat bomba ini tidak seperti pejabat di Jalan Maxwell itu, kalau tidak dipindahkan akan hanyut apabila banjir di situ.

Tuan Pengerusi, lagi satu masalah ialah Jabatan Cetak. Saya pun bersetuju juga dengan sahabat saya dari Kepala Batas tadi tetapi dalam pada itu saya juga hendak menarik perhatian masalah yang dihadapi oleh Jabatan Cetak sendiri. Barangkali kalau kita tengok baharulah dalam setahun dua ini pihak Kerajaan memberi perhatian tambahan peruntukan Jabatan Cetak membeli mesin yang baharu. Kalau kita tengok dua tiga tahun yang lalu segala mesin-mesin dalam Jabatan Cetak Kerajaan itu patut dibuang dalam lombong satu disimpan di Musium Negara.

Syukur alhamdulillah ianya telah diberi peruntukan untuk membeli mesin baharu, tetapi saya dengar dan saya catitkan di sini boleh cetak untuk dua colour sahaja. Sekarang ini sudah cetak lapan colour. Sekurang-kurangnya Jabatan Cetak Kerajaan mempunyai mesin empat colour; dua colour sudah out-of-date. Jadi, saya minta juga seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Kepala Batas tadi apa yang diucapkan di dalam Parlimen ini akan dicetak setahun kemudian lepas itu baharulah kita terima dan juga saya minta kepada pihak Kerajaan terutama sekali Perbendaharaan mengambil berat sedikit tentang masalah Jabatan Cetak Kerajaan. Percetakan ini mustahak dan saya percaya Jabatan Cetak Kerajaan sendiri tidak mempunyai bahagian keselamatan yang dikatakan security printing. Kalau ada eloklah tetapi saya percaya ianya belum ada lagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya rasa percetakan ini amatlah penting, kerana ini adalah satu panduan untuk orang ramai, pelancung dan sebagainya untuk mengetahui segala kemajuan dalam negara kita. Jadi saya menyokong penuh dan diharap tambahan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk tahun depan itu dilipat gandakan untuk percetakan Kerajaan supaya mereka dapat menyiapkan kelengkapan-kelengkapan yang cukup moden dan up-to-date dan sama pula tarafnya dengan printing syarikat-syarikat cetakan yang moden yang ada di dalam negara kita.

Akhirnya sekali masaalah kemudahan sosial di dalam bandaraya ini juga, saya minta eloklah diubahsuaikan dan ditambahkan lagi memandangkan pada hari ini apabila kita membuat kajian salah satu daripada sebab merebaknya penyakit penyalahgunaan dadah ialah kerana kekurangan tempat kemudahan sosial, terutama sekali di kawasan-kawasan bangunan rumah-rumah pangsa di mana tidak ada tempat pemuda-pemudi hendak

berehat-rehat — hendak mengadakan indoor games maka dengan sebab itu mereka bercampur gaul di tepi-tepi jalan, senang terpengaruh dan susah hendak dikawal, sekiranya mereka ini terlibat dalam perkara jenayah-jenayah, kecil dan juga di dalam perkara penyalahgunaan dadah. Saya berharap kemudahan-kemudahan yang telah dibina oleh pihak Bandaraya misalnya dewan-dewan serbaguna pada hari ini banyak menimbulkan masaalah walaupun namanya itu kononnya pelbagaiguna tetapi pentadbiran Bandaraya menguasai terlampau ketat sehinggakan belia-belia pemuda-pemuda tidak dapat menggunakannya. Jadi, saya minta pihak Dewan Bandaraya mengubahsuaikan syarat-syarat dewan pelbagaiguna yang dibina oleh Bandaraya itu supaya dapat digunakan keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

4.32 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Pembangunan P. 16 — Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Butiran 16 — Pasar Borong, Utara dan Selatan, muka surat 102.

Tuan Pengerusi, sejak peristiwa sedih menimpa negara kita dahulu, pengalaman pahit telah kita rasai. Sedikit sebanyak menjadi pengalaman dan pengajaran kepada kita. Saya menyentuh perkara ini khusus mengenai pasar borong. Kita tahu pasar borong adalah satu tempat di mana segala ikan-ikan dan keperluan harian yang lain dihantar dari Negeri-negeri khususnya Pantai Timur ditempatkan di pasar borong. Di setengah-setengah Negeri, ikan yang dijual di pasar adalah lebih mahal daripada yang terdapat di Kuala Lumpur hari ini. Ini disebabkan tidak mencukupi ikan-ikan di pasar-pasar tersebut, dan kebanyakannya ikan-ikan itu dijual ke luar negeri samada di Kuala Lumpur ataupun di Singapura.

Oleh kerana tempat simpanan ikan-ikan ini sangat mustahak, saya ingin mengesyorkan bahawa walau apa pun yang diperuntukkan, penyertaan orang-orang Melayu dalam hal ini adalah perlu. Kerajaan hendaklah memerhatikan bahawa orang-orang Melayu mendapat tempat yang wajar dalam peruntukan tempat di pasar-pasar borong. Sekurang-kurangnya ada keseimbangan kaum dalam perniagaan yang ditempatkan itu. Adalah mustahil sekiranya dikatakan bahawa tidak ada orang Melayu yang berminat dalam penyertaan pasar borong itu. Sekiranya tidak terdapat orang Melayu, maka perkongsian bagi penyertaan bersama boleh dilakukan, sekurang-kurangnya buat sementara waktu sehingga mereka mendapat pengalaman sepenuhnya di kemudian hari kelak. Mungkin apabila mereka telah mendapat pengalaman, peniaga Melayu ini akan mendapat berdiri di atas kakinya sendiri dan boleh menjalankan urusan borongannya tanpa berkongsi.

Saya mempunyai penuh harapan bahawa Kerajaan dapat memerhatikan soal ini dengan cukup teliti supaya peniaga Melayu tidak selalu ketinggalan kebelakang dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian ini memerhatikan pembahagian yang adil dalam usaha kita membentuk semula masyarakat dalam perniagaan.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 20 — Jabatan Percetakan, Butiran 1100 — Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) Percetakan, muka surat 116.

Saya menyentuh khusus mengenai percetakan Penyata Rasmi Parlimen walaupun telah disebutkan oleh rakan-rakan saya. Per-kara ini dari setahun ke setahun telah dibangkitkan dan jawapan yang diterima adalah sama sahaja bahawa kelambatan ini disebabkan percetakan, kakitangan dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh tentang bagaimana lambatnya percetakan Penyata Rasmi Parlimen disiapkan. Penyata Rasmi Parlimen secara saiklostail disiapkan pada keesokan

harinya. Ahli-ahli diberi satu naskhah yang dibentangkan di Parlimen. Kepada Ahli yang berucap, ia akan menerima satu naskhah ucapan yang telah diedit dan diminta disahkan olehnya serta mengembalikan kepada Parlimen dalam masa 7 hari sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat.

Penyata Rasmi Parlimen yang terakhir diterima ialah antara 12 bulan hingga 16 bulan ke atas. Statistik ini boleh menunjukkan sebagai satu bukti yang nyata.

1. Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat bertarikh 6.4.1976 telah dibentangkan di Parlimen pada 22.10.1977. Kelewatan selama 18 bulan.
2. Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara bertarikh 27.4.1976 telah dibentangkan di Parlimen pada 27.10.1977. Kelewatan selama 18 bulan.

Di England, Penyata Rasmi Perbahasan Parlimen samada Dewan Rakyat (House of Commons) atau Dewan Pertuanan (House of Lords) naskhah bercetaknya dibentangkan di Parlimen pada keesokan harinya. Ini disebabkan kelengkapan alat, kakitangan terutama Bahagian *Hansard* diadakan percetakannya sendiri. Walaupun kita tahu sekiranya ini dilaksanakan, ia akan memakan belanja yang besar dan mungkin ini akan memakan masa yang panjang. Namun begitu, ianya adalah bahan yang berguna kepada Ahli-ahli Parlimen sebagai rujukan.

Tuan Pengerusi, diketahui juga bahawa Jabatan Cetak Kerajaan mempunyai satu seksyen yang khusus dengan alat printingnya untuk mengecap Bil, Penyata Rasmi Parlimen, laporan dan lain-lain yang berkaitan dengan Parlimen. Tetapi ianya tidak memberi kesan yang memuaskan setakat ini. Estimet mengenai Anggaran Belanja Mengurus, 1977, Kertas Perintah No. 41 Tahun 1976 telah dicap di luar daripada Percetakan Kerajaan. Sekiranya ini boleh dilakukan, saya rasa satu kajian yang mendalam hendaklah dibuat oleh pihak Parlimen dengan kerjasama Jabatan

Perdana Menteri, Perbendaharaan dan Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk memberi pertolongan yang diperlukan oleh Parlimen untuk menyediakan printingnya sendiri yang berasingan. Dengan cara ini pihak Parlimen tidak payah menunggu begitu lama dalam menyediakan Bil, Penyata Rasmi Parlimen, lapuran dan sebagainya.

Sekiranya syor saya ini dapat difikir dan ditimbang, maka peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat juga hendaklah dipinda dengan mana Ahli-ahli yang berucap hendaklah mengemalikan ucapannya dengan kadar yang agak segera — tidak seperti sekarang ini dibenarkan selama 7 hari.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong penuh peruntukan Kementerian ini.

4.40 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur): Tuan Pengerusi, yang pertama, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 17 muka surat 105, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti No. (4) — Bahagian Perancang Kawasan Bandar.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Bahagian Perancang Bandar, saya ingin menyentuh satu cadangan untuk sebuah pelan induk yang baru bagi Wilayah Persekutuan. Tadi Yang Berhormat dari Setapak pun telah berucap berkaitan dengan perkara pelan induk bagi Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, masalah Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan bukan sahaja tertunpu ke atas masalah setinggan, kesesakan lalu-lintas dan kekotoran alam sekitar yang ada dinyatakan dalam Lapuran Ekonomi Perbendaharaan. Apa yang sangat diperlukan hari ini tetapi masih tidak ada ialah satu pelan induk yang comprehensive. Pelan-pelan yang dibanggakan oleh Kuala Lumpur pada masa sekarang ialah pelan-pelan untuk sementara waktu sahaja yang meliputi kegunaan tanah dan kawalan penduduk sahaja. Panduan-panduan ini adalah tidak mencukupi bagi perancangan yang wajar untuk sebuah bandaraya yang moden dan sedang membangun.

Selain daripada itu pelan-pelan yang disebutkan itu ialah hanya untuk $\frac{1}{3}$ kawasan Wilayah dan perancangan untuk $\frac{2}{3}$ lagi masih dalam timbangan, dan ini mengakibatkan pembangunan yang tidak tentu arah yang membangkitkan banyak masalah-masalah untuk masa hadapan. Apa yang kita perlu ialah satu pelan induk yang comprehensive yang bukan hanya memikirkan rupa bentuk bandaraya ini untuk menimbang dengan telitinya permintaan-permintaan ke atas tanah yang ada, tetapi juga merangkum objektif-objektif sosio-ekonomi dalam kontek pandangan negara, wilayah dan tempatan. Pelan itu hendaklah dengan tentu memasukkan penambahan rakyat, urbanisasi, perpindahan rakyat, perancangan dan pembahagian sumber-sumber yang ada dan yang potensi, perumahan dan kawasan-kawasan setinggan, perindustrian dan pekerjaan, kawalan kekotoran alam sekitar, pengurusan lalu-lintas, pengangkutan awam, rancangan taliair dan banjir, perhubungan masyarakat, kemudahan keperluan-keperluan sosial dan ko-ordinasi kemudahan-kemudahan awam, rekreasi dan kebudayaan, pembaharuan bandar dan penjagaan ke atas bangunan-bangunan yang bersejarah dan berakitek dan membahagikan pembangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, memandangkan sebab-sebab yang di atas kita sangat-sangat memerlukan satu pelan untuk comprehensive yang disediakan dengan bijak dan teliti kerana ini akan menjadi asas untuk merancang dan memprojek pembangunan-pembangunan bandaraya kita. Dalam perkara ini saya dengan ini mencadangkan bahawa Kerajaan patutlah memberi perhatian keutamaannya kepada masalah ini dan menubuhkan satu Pasukan Petugas yang bertanggungjawab untuk mengawasi ke atas penyelesaian awal satu pelan induk comprehensive bagi Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, oleh sebab ketiadaan satu pelan untuk comprehensive yang baru dan teratur bagi Wilayah telah menimbulkan

masaalah yang berat yang melibatkan kehidupan lebih kurang 2,000 orang peniaga di Kuala Lumpur yang tidak diberikan lesen oleh Dewan Bandaraya atas alasan bahawa mereka telah melanggar peraturan Pelan Zoning atau Pelan 1041 bagi Dewan Bandaraya. Ada setengah-setengah daripada mereka yang telah diberi lesen itu atas dasar tahunan pernah diberi notis pindah daripada kawasan mereka kerana kawasan itu adalah kawasan kediaman. Dalam kedua-dua kes yang saya katakan ini notis pindah itu mengatakan bahawa peniaga-peniaga yang terlibat dikehendaki berpindah dalam tempoh 90 hari dan jika mereka gagal berbuat demikian, maka tindakan guaman akan diambil terhadap mereka. Hal-hal yang tersebut ini sebenarnya tidak patut berlaku kerana Pelan Zoning yang wujud sekarang penuh dengan kesilapan dan kelemahan. Tindakan tidak patut diambil terhadap mereka kerana dalam tahun 1973 Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar telah mengaku secara terbuka tentang kelemahan-kelemahan yang ada dalam Pelan Zoning itu dan telah mengarahkan pentadbiran Dewan Bandaraya supaya jangan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga itu.

Tuan Pengerusi, tindakan oleh pihak Dewan Bandaraya untuk mengeluarkan notis pindah kepada orang-orang yang berkenaan telah menimbulkan keadaan resah dan merunsingkan di kalangan sektor perniagaan. Saya menyeru pihak Yunit Penguatkuasa Bahagian Perancang Bandar dalam Dewan Bandaraya supaya memberhentikan tindakan penguatkuasa di bawah Akta Perancang Bandar seperti yang ada sekarang hingga sampai masanya satu pelan induk comprehensive bagi Kuala Lumpur itu dikemukakan dan dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala B. 18, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti No. (2) mengenai Pencegah Kebakaran. Tuan Pengerusi, di bawah perkara Pencegah Kebakaran, ingin saya menyentuh kebakaran Kompleks Beli-

belah Campbell yang berlaku pada bulan April tahun lalu. Selepas kebakaran itu Kerajaan ada mengumumkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kerajaan yang terdiri dari 12 orang ahli untuk menyiasat secara mendalam sebab-sebab kebakaran dan juga menyediakan satu laporan yang mengandungi rekomendasi-rekomendasi untuk pertimbangan Kerajaan. Adalah didapati bahawa Jawatankuasa Penyiasatan tersebut telah menyiapkan laporannya beberapa ketika yang lepas, tetapi malangnya orang ramai sehingga hari ini belum mengetahui apa-apa tentang laporan itu.

Tuan Pengerusi, pada beberapa bulan yang lepas ada dilaporkan dalam suratkhabar tempatan bahawa laporan Jawatankuasa Penyiasat Kebakaran Kompleks Campbell telah diedarkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan melalui beliau laporan itu akan disampaikan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangannya. Kerajaan patutlah memberitahu orang ramai atas kepentingan awam mengenai perkembangan terakhir tentang hal itu. Apa yang lebih mustahak ialah laporan itu mestilah diistiharkan kepada umum supaya orang ramai khususnya mangsa-mangsa kebakaran boleh dapat tahu apa yang sebenarnya telah berlaku. Tuan Pengerusi, ini adalah pada pandangan saya sangat perlu oleh kerana memandangkan besarnya bahaya api yang telah menyebabkan berlakunya apa yang disifatkan dalam Bahasa Inggeris sebagai "Towering Inferno". Pada anggapan saya satu pengalaman boleh dipelajari dari malapetaka itu dan adalah mustahak supaya orang ramai diberi satu gambaran yang lengkap.

Memandangkan kepada ini saya menyeru kepada Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengumumkan kepada kepentingan orang ramai mengenai laporan siasatan itu. Biarlah laporan siasatan kebakaran Kompleks Campbell tidak disimpan sebagai rahsia dan dilupakan seperti laporan-laporan kebakaran yang lain di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala P. 16, muka surat 102, Butiran 20 — Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi, Dewan Bandaraya mestilah memberikan keutamaan kepada pembinaan jejambat untuk kemudahan-kemudahan dan keselamatan orang yang berjalan kaki di bandaraya Kuala Lumpur. Jejambat-jejambat yang berkenaan mestilah dibina dengan secepat mungkin di tempat-tempat yang selalunya berlaku kemalangan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, saya difahamkan bahawa Dewan Bandaraya akan merancang mendirikan 15 jejambat di sekitar Kuala Lumpur. Saya berharap pihak Dewan Bandaraya akan dapat menyediakan peruntukkan kewangan yang dikehendaki untuk mendirikan jejambat itu, oleh kerana banyak jalan-jalan yang lebih baik telah disediakan untuk Wilayah Persekutuan bagi melicinkan perjalanan lalulintas di jalanraya kita maka perhatian berat mestilah diutamakan kepada keselamatan orang yang berjalan kaki yang selalu menyeberangi jalanraya yang sibuk itu.

Tuan Pengerusi, kebanyakan kemalangan yang berlaku pada tiap-tiap tahun melibatkan orang yang berjalan kaki tatkala mereka hendak menyeberangi jalanraya yang ketiadaan dan kekurangan keperluan keselamatan jalanraya. Sebagai contoh pada tahun 1976 seramai 205 orang telah terbunuh dalam kemalangan jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur dan sebilangan darinya 101 orang adalah terdiri dari orang yang berjalan kaki dan 18 orang adalah kanak-kanak. Ini menunjukkan satu tanda yang membimbangkan dan ia mesti mendapat perhatian yang berat dari pihak yang berkenaan dari segi persoalan keselamatan orang yang berjalan kaki. Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, apa yang sangat diperlukan ialah jejambat dan tempat yang patut diberi keutamaan ialah satu contoh di Jalan Loke Yew yang berdekatan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chong Kwok di dalam mana ada berlaku kemalangan

pada masa yang lepas. Dan juga satu lagi contoh ialah di Jalan Sulaiman di hadapan Bangunan Polis Cooperative. Oleh sebab pada pandangan saya di kedua-dua tempat ini adalah sangat perlu supaya jejambat dapat dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ingin saya merujuk kepada Butiran 21 — Taliair.

Sistem parit dan taliair di Kuala Lumpur pada masa ini didapati amat tidak memuaskan. Sebentar tadi wakil dari Setapak ada berkata bahawa perkara banjir selalu ada berlaku. Apabila hujan turun dalam masa satu atau dua jam kita akan mengalami banjir mengejut di kawasan-kawasan rendah di bandaraya Kuala Lumpur. Banjir mengejut ini bukan sahaja menghalang lalulintas tetapi juga membawa malapetaka kepada kawasan-kawasan seinggian di kawasan rendah.

Baru-baru ini keadaan banjir mengejut telah berlaku di Kuala Lumpur dan beberapa buah kampung dan kawasan-kawasan rendah telah terlibat dalam kejadian banjir itu. Beberapa kawasan yang terlibat di dalam keadaan buruk dan merbahaya ialah sebagai contoh Kampung Maxwell, Kampung Kassipilly, Kampung Tiong Nam dan Taman Bamboo di mana di dalam keadaan yang mencemaskan banyak keluarga dan orang ramai terpaksa dipindahkan. Sudah tiba masanya bagi Dewan Bandaraya memeriksa sistem parit dan taliair untuk mencari sebab-sebab kekurangannya dan mengambil langkah untuk mengatasinya. Jabatan Parit dan Taliair serta bersama-sama dengan Pentadbiran Dewan Bandaraya hendaklah mengambil satu langkah untuk memperbaiki sistem parit dan taliair bagi mengelakkan kejadian banjir mengejut. Sambil memperbaiki sistem parit dan taliair, langkah-langkah perlu hendaklah diambil untuk mengatasi penimbusan sungai yang mengakibatkan banjir juga.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin berucap sedikit atas perkara B. 16, Butiran 1100,

muka surat 99, Aktiviti (1) — Pentadbiran Am.

Di atas hal ini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai masalah sewa yang dihadapi oleh Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, satu masalah biasa yang dihadapi oleh penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ialah kenaikan sewa yang tidak menasabah oleh tuan-tuan punya ke atas harta-harta mereka yang mereka sewakan sebagai tempat kediaman. Kerap kali penyewa-penyewa menerima surat-surat daripada tuan-tuan punya memberitahu mereka bahawa sewa mereka akan dinaikkan dan jika mereka gagal membayar, tindakan undang-undang akan diambil untuk mengusir mereka.

Sungguhpun tuan-tuan punya berhak menaikkan sewa bangunan mereka, walau bagaimanapun saya rasa hak seperti itu tidaklah patut disalahgunakan sehingga memerlukan penyewa-penyewa mereka membayar kenaikan harga yang mereka tidak mampu membayar. Berbuat demikian hanya bermakna menyebabkan kesusahan kepada penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah. Pada masa yang mana mereka tidak dapat memohon bantuan Kerajaan untuk memohon dan mendapatkan rumah pangsa. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi terdapat penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah yang mempunyai keluarga besar di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang menjadi mangsa kenaikan sewa yang tidak adil. Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi perhatian ke atas perkara ini dan mengambil tindakan untuk mengatasi keadaan ini supaya golongan-golongan miskin dan berpendapatan rendah tidak mengalami kesusahan.

Dan juga atas aktiviti yang sama, saya ingin menyebut sedikit tentang masalah pentadbiran. Tuan Pengerusi, pada awal tahun ini pihak berkuasa Bandaraya telah merangka lorong-lorong khas untuk bas di sepanjang

Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Ipoh sebagai satu percubaan untuk mengetahui adakah perkhidmatan-perkhidmatan bas boleh diperbaiki. Semasa waktu sibuk iaitu pada waktu pagi dan petang semua kenderaan termasuk teksi tidak dibenarkan melalui lorong khas untuk bas, selain daripada bas-bas. Yang teruk atas kesan dari peraturan ini ialah teksi-teksi. Dengan terujudnya lorong-lorong khas ini telah memberi kesan kepada pendapatan mereka di kawasan yang berkenaan. Teksi tidak boleh menurunkan ataupun mengambil penumpang-penumpang di sepanjang jalan-jalan yang dihaskan untuk bas-bas itu di waktu sibuk dan ini telah mengakibatkan kesusahan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, teksi-teksi menuntut bahawa seperti bas-bas mereka juga memberi perkhidmatan pengangkutan awam dan dengan itu mereka patut dibenarkan juga menggunakan lorong-lorong khas ini untuk tujuan menurunkan dan mengambil penumpang-penumpang. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi perhatian kepada permintaan ini dan memberi satu jawapan. Oleh sebab saya anggap bahawa sekiranya teksi-teksi dibenarkan untuk menggunakan lorong-lorong khas itu, ini tidak akan mengakibatkan apa-apa keadaan yang rosak.

Yang akhirnya saya ingin bercakap sedikit mengenai Kepala P. 16, muka surat 102, Butiran 19 — Kemudahan Sosial.

Tuan Pengerusi, satu aduan yang selalu dibuat oleh penduduk-penduduk di dalam estet-estet perumahan persendirian khususnya estet-estet perumahan yang baharu siap dan diduduki oleh penduduk-penduduk di bandaraya ialah ketiadaan atau kekurangan kemudahan-kemudahan asas bagi penduduk-penduduk. Aduan-aduan itu dibuat bahawa jalan besar masuk ke estet-estet perumahan adalah dalam keadaan yang amat teruk, ketiadaan saluran parit yang sempurna yang mengakibatkan banjir apabila hujan. Ketidadaan lampu jalan di sepanjang jalan masuk ke

estet-estet perumahan dan ketiadaan tempat permainan kanak-kanak. Contohnya ialah Taman Mutiara peringkat kedua di mana penduduk-penduduk telah merayu kepada pihak Dewan Bandaraya baru-baru ini iaitu lebih kurang tiga bulan yang lepas menarik perhatian pihak yang berkenaan kepada masalah-masalah tersebut di atas dan meminta kerjasama mereka untuk mengatasi masalah itu.

Tetapi malangnya tindakan belum diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Satu contoh yang lain ialah Taman Taynton View di mana persatuan penduduk telah menghantar satu memorandum yang sama kepada Datuk Bandar yang meminta beliau mengambil tindakan terhadap beberapa masalah di dalam estet perumahan itu. Saya hanya memberi dua contoh di sini, Tuan Pengerusi, ada lain-lain contoh juga saya ada dalam keadaan yang sama. Saya rasa amat kesal bahawa pemaju-pemaju perumahan kedua-dua estet itu tidak langsung mengambil minat dalam aduan-aduan yang dibuat oleh penduduk-penduduk itu. Rayuan penduduk-penduduk itu tidak diindahkan dan pemaju-pemaju perumahan memberi alasan bahawa mereka tidak bertanggungjawab atas masalah itu dan penduduk-penduduk patut menyampaikan rayuan atau permintaan mereka kepada pihak Dewan Bandaraya. Tetapi apabila Dewan Bandaraya dihubungi pihak berkuasa memberi alasan dan sebab-sebab mengapa mereka tidak dapat bertindak serta-merta dan menyatakan bahawa pemaju-pemaju perumahan tidak dapat melarikan diri dari tanggungjawab mereka untuk memperuntukkan kemudahan-kemudahan asas di estet-estet perumahan itu.

Keadaan ini, Tuan Pengerusi, adalah sangat tidak memuaskan dan tidak dapat mendatangkan apa-apa penyelesaian kepada masalah-masalah itu. Saya mengesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga pihak Dewan Bandaraya untuk mengambil tindakan serta-merta bagi mengatasi ke-

sulitan-kesulitan penduduk-penduduk dalam estet-estet perumahan dengan cara memanggil mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri oleh pemaju perumahan persatuan penduduk-penduduk untuk membincang masalah-masalah itu dan juga untuk mencari jalan-jalan yang mana semua perkara-perkara dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dapat diatasi dengan secepat mungkin.

5.03 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungei Petani): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan bagi tahun 1978 ini, saya ingin bercakap sedikit di bawah Kepala P. 16, Butiran 1 — Pemberian untuk Projek-projek di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan di muka surat 101.

Tuan Pengerusi, saya sangat mengalu-alukan usaha Kerajaan khususnya Kementerian yang berkenaan mengadakan peruntukan sebanyak \$590,000 untuk projek-projek di kawasan bandar dan Majlis Tempatan. Walaupun angkanya kecil dibandingkan dengan keperluan yang dihadapi, saya berharap semoga peruntukan ini dapat dibahagikan secara bijaksana dan adil.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada keadaan di Sungei Petani yang boleh dikatakan terbiar sahaja dan sekarang sangat-sangat memerlukan bantuan kewangan dan tindakan segera oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam memperbaiki keadaan yang tidak memuaskan. Masalah-masalah yang wujud di sana bukan sahaja mendatangkan kesusahan kepada penduduk-penduduk atau rakyat jelata di sana malahan telah menimbulkan tanda tanya di kalangan mereka. Mengapakah pihak pemerintah sudah lama berkuasa tidak lagi mahu memperdulikan hal keadaan di tempat mereka apatah lagi untuk memperbaikinya. Yang perlu dibawa kepada perhatian pihak Kementerian ini ialah:—

Yang pertama, di Sungei Petani bilangan lori-lori yang mengangkat sampah yang ada sekarang tidak mencukupi oleh kerana bertambahnya rancangan perumahan. Kerja-kerja mengangkat sampah sarap tidak dapat berjalan dengan sempurna dan ini menyebabkan pencemaran udara dan berbau busuk.

Yang kedua, jambatan-jambatan dan jalan-jalan sehingga sekarang tidak dibubuh tar dan masih menggunakan jalan tanah merah, ini menyebabkan lecek dan berlubang-lubang di musim hujan.

Yang ketiga, parit dan taliair di sana pun masih tidak mencukupi. Apabila hujan lebat, selalu menjadi banjir.

Yang keempat, kawasan-kawasan perumahan masih bergelap dan lampu-lampu jalan perlu diadakan di rancangan perumahan.

Tuan Pengerusi, saya juga menarik perhatian Kementerian kepada peniaga-peniaga kecil yang ada di Sungei Petani. Lesen-lesen perlu diberi tambahan kepada peniaga-peniaga kecil ini, di samping itu juga saya merayu supaya pihak yang berkenaan memberi peruntukan yang secukupnya kepada mereka kerana dengan berbuat demikian suasana di tempat berniaga akan lebih menarik dan dengan tidak secara langsung akan memajukan perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala B. 18, Butiran 1300, muka surat 108. Saya sangatlah sukacita mendengar iaitu Perkhidmatan Bomba telah diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan akan diperbaiki alat-alat kelengkapannya serta menambahkan kakitangan. Saya menarik perhatian ini oleh kerana Bandar Sungei Petani sedang membangun dan industri-industri telah tumbuh dengan pesatnya di kawasan Bakar Arang dan Tikam Batu, jadi jikalau terjadi satu-satu kebakaran senanglah diatasinya. Walau bagaimanapun saya harap pihak Kementerian ini akan menambah lagi kereta bomba dan juga saya

diberitahu kakitangannya ada yang setengah tidak ada rumah dan apabila ada satu-satu kebakaran kalau hendak dihubungi amatlah susah. Jadi saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri akan memberi satu-satu pertolongan.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya dan saya sudah dengan menyokong sekali lagi peruntukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan bagi tahun 1978.

5.07 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan belanjawan yang dibuat oleh Kementerian ini, saya ingin menyentuh Kepala B. 16, Butiran 1100 Gaji dan Upahan Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Saya ingin menyentuh perkara ini kerana mengikut laporan Anggaran Belanjawan Jabatan ini telah dilaporkan seperti berikut. Jabatan ini akan bergerak dengan pesat menjalankan aktiviti-aktiviti selaras dengan penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan seperti diuntukkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh apa yang dilafazkan oleh sahabat saya daripada Kepala Batas dan dalam hal ini juga saya ingin menyoal Kementerian ini.

Berdasarkan kepala lojik apakah yang di Negeri Pulau Pinang Kementerian ini telah bersetuju menubuhkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai. Adakah lojik ini logic of absurdity ataupun logic of inconsistencies?

Saya katakan "absurdity" ialah memang absurd, memang tidak diterima akal kalau kita boleh takrifkan satu kawasan yang belum ada lampu, belum ada air, belum ada jalan ditakrifkan sebagai kawasan Majlis Perbandaran, ini tidak boleh diterima akal, kalau kawasan sudah ada jalan, sudah ada lampu,

sudah ada air, mungkin tetapi apabila kawasan bendang, kawasan kebun getah, kampung-kampung dimasukkan ke dalam kawasan Majlis Perbandaran saya mengatakan di sini ialah satu tindakan absurd yang tidak boleh diterima oleh akal.

Saya kata logic of inconsistencies ialah kerana Kerajaan Tempatan (Local Government), maknanya mewujudkan satu keadaan Kerajaan yang bertempat (localised), bukan centralised — tidak, tetapi apa yang berlaku sekarang ialah tiga Kerajaan Tempatan dicantumkan jadi satu. Ini maknanya centralised, bukan local. Ini yang tidak boleh juga diterima oleh akal fikiran yang waras. Apakah sebab, apakah dorongan, apakah pemikiran mereka dalam Jabatan ini yang telah bersetuju supaya Kerajaan Pulau Pinang mewujudkan dua Kerajaan Tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai. Hasil daripada penubuhan ini kepincangan, sungutan, pengaduan daripada segala lapisan masyarakat telah timbul termasuk kawasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini sendiri, mungkin beliau tidak dengar kerana beliau bermastautin di sini sekarang tetapi masalah ini memang timbul tiap-tiap hari di mana-mana sekalipun, samada di kedai kopi, di pejabat, di kampung, di tengah-tengah jalan masalah ini timbul dan kalau kita tidak berhati-hati, kalau kita tidak cermat mungkin Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri akan gulung tikar sebab ini satu perkara yang serius, bukan kali ini dalam Dewan yang mulia ini sahaja perkara ini dibangkitkan, sudah banyak kali, tetapi malangnya ada sahaja alasan-alasan yang diberi.

Yang menjadi peliknya mereka yang memberi persetujuan supaya bentuk Kerajaan macam ini diwujudkan di Negeri Pulau Pinang tidak tahu langsung keadaan yang sebenarnya berlaku. Kalau mereka ini betul-betul faham, betul-betul arif dengan keadaan yang sebenarnya sudah tentu apabila permohonan dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Majlis Perbandaran sudah tentu Menteri yang

berkenaan tidak setuju kerana ada dua bentuk Kerajaan Tempatan yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan, iaitu Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Apa yang lebih sesuai ialah Majlis Daerah, bukan Majlis Perbandaran — tidak, kerana masih banyak lagi kawasan-kawasan yang kita tidak boleh anggap, kita tidak boleh terima sebagai kawasan perbandaran.

Sahabat saya Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi ada mengatakan untuk mengatasi masalah ini banyak lagi bantuan diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Tempatan ini. Pada fikiran saya seberapa banyak peruntukan diberi sekalipun peruntukan ini akan dibazirkan, akan disalahgunakan. Misalnya kalau Yang Berhormat Menteri selidik jentera Kerajaan kedua-dua Majlis Perbandaran ini sudah tentu kita nampak bahawa kedua-dua jentera Kerajaan ini begitu lengkap, serbaserbinya ada, seolah-olah Majlis Perbandaran Pulau Pinang ataupun Majlis Perbandaran Seberang Prai sudah menjadi Kerajaan yang independent. Apakah tidak, dia ada Bahagian Undang-undang, Bahagian Perancangan, Bahagian Kesihatan, Bahagian Jalanraya dan Bahagian Sekretariat. Berapa orang setiausahanya saya pun tidak tahu tetapi saya fikir sudah tentu lebih daripada dua atau tiga orang.

Apabila peruntukan diberi oleh Kerajaan Pusat, wang itu sudah tentu akan digunakan untuk memperbaiki jentera Kerajaan sahaja, menambah kakitangan tetapi penduduk-penduduk tidak akan rasa satu sen pun. Begitu juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang, pejabat yang ada sekarang sudah selesa tetapi oleh sebab ada KOMTAR, iaitu Kompleks Tun Abdul Razak yang sedang kosong sekarang maka mereka ini dikehendaki menyewa tempat itu, tempat yang lebih selesa lagi daripada tempat yang ada sekarang, ini juga akan membazir. Oleh sebab itu, sebagai mengatasi masalah ini rombak semula, kaji semula, adakah sesuai pada keadaan sekarang diwujudkan Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah. Kalau diwujudkan Majlis

Daerah, perbelanjaan pentadbiran tidak begitu tinggi kerana di tiap-tiap tempat sudah ada Pegawai Kesihatan Kerajaan, sudah ada Penasihat Undang-undang Kerajaan iaitu Penasihat Undang-undang Negeri, sudah ada Jabatan Kerjaraya, sudah ada Pegawai Perancang Bandar dan Luar Bandar, Negeri, semua sudah ada tetapi dengan adanya keadaan sekarang sudah timbul satu duplikasi. Apabila duplikasi ini timbul tidak siapa yang tahu tugas siapa, timbul satu-satu masalah Jabatan manakah yang dipertanggungjawabkan untuk mengatasi masalah ini, siapa pun tidak tahu. Kalau parit tepi jalan terkambus tugas siapa untuk membersihkan, siapa pun tidak tahu. Siapa penguasa jalan, siapa pun tidak tahu. Kalau ada permohonan untuk membekalkan street lighting kepada siapa hendak dikemukakan permohonan itu, kepada Kerajaan Negeri, kepada LLN ataupun kepada Majlis Perbandaran dan siapa yang mahu terima. Jadi hasilnya masyarakat akan menuduh Kerajaan juga yang tidak menjalankan tugas, bukan mereka tuduh Kementerian ini yang tidak menjalankan tugas — tidak, Kerajaan dan kalau kita tidak cermat Kerajaan juga akan gulung tikar apabila datang pilihanraya. Ini saya kata bukan sebagai main-main sebab saya sendiri datang daripada kawasan itu dan saya tahu benar-benar dan masalah ini memang ditimbulkan di tiap-tiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah, tidak lain dan tidak bukan kecuali masalah berbangkit daripada wujudnya Majlis Perbandaran.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di atas Kepala B. 16, Butiran 4100, Aktiviti (3) Bantuan kepada Lembaga Tempatan. Saya ingin mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya bantuan ini hendaklah diawasi betul-betul supaya bantuan ini dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan dan bukan oleh pegawai-pegawai dalam Kementerian yang berkenaan ataupun pegawai-pegawai dalam Majlis Perbandaran.

Saya juga ingin menyentuh Kepala P. 16 Butiran 1 — Pemberian untuk Projek-projek

di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan. Dengan adanya peruntukan ini, ini bermakna masih banyak lagi kawasan-kawasan di Malaysia Barat yang belum melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan. Kalau semua kawasan telah melaksanakan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan tidak akan timbul lagi kerana cuma dua bentuk Kerajaan Tempatan sahaja yang ada yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan selain daripada Wilayah Persekutuan iaitu Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Oleh sebab itu, kawasan-kawasan yang belum lagi melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan ini dan dipertugaskan oleh Jabatan ini untuk terlibat secara langsung dalam kerja-kerja menyusun semula penguasa-penguasa tempatan hendaklah mengawasi supaya kepincangan yang berlaku di Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai tidak akan berlaku di lain-lain tempat.

Saya juga ingin menyoal Kementerian ini oleh sebab mereka asyik benar, ia-ia benar hendak melaksanakan Akta Kerajaan Tempatan. Dalam Akta Kerajaan Tempatan telah memberi satu peruntukan atau kuasa kepada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemarkan sungai dalam kawasan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Berapa banyakkah tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang yang mencemarkan sungai-sungai yang ada dalam kawasan-kawasan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah itu? Saya yakin dan percaya tidak sekali. Walau bagaimanapun, saya minta kepastian daripada Kementerian ini, kerana apabila kita hendak melaksanakan satu-satu undang-undang janganlah kita pilih itu, ini kita ke tepi, tidak. Sebab masalah ini mengakibatkan masalah rakyat. Apabila sungai kotor ikan mati, apabila air sungai masuk ke bendang padi tak berbuah, walaupun padi subur tetapi tak berbuah dan ini akan melibatkan hasil pendapatan penduduk-penduduk. Jadi, berapa banyakkah kes-kes yang telah dihadapkan ke mahkamah ataupun Kerajaan

Tempatan ini telah ambil terhadap pengilang-pengilang yang membenarkan effluent daripada kilang-kilang ini mencemarkan sungai.

5.25 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi izinkan saya menyentuh Butiran 4100, Aktiviti (3) muka surat 101, di bawah tajuk Bantuan kepada Lembaga Tempatan kerana Cukai Tempatan berjumlah \$7,500,000. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan semasa mengemukakan Budget ini di dalam Jawatankuasa telah menyatakan harapan beliau bahawa Akta Kerajaan Tempatan akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan baik. Saya juga sambut harapan itu tetapi dengan pandangan bahawa Akta itu mungkin akan tidak licin perjalanannya sekiranya bantuan sepertimana diberikan di bawah Kepala yang saya nyatakan tadi tidak diberi dengan seberapa sempurna yang boleh.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di bawah struktur dan aturan yang baru Majlis-majlis Daerah adalah merupakan badan autonomous, badan-badan independent yang bersendirian yang diminta oleh Kerajaan untuk mengutip cukai-cukai sendiri dan menerusi cukai-cukai itu digunakan untuk perbelanjaan Majlis-majlis Daerah. Sebelum daripada itu Majlis-majlis Daerah ini ialah merupakan Lembaga-lembaga Bandaran dan boleh dikatakan semua Lembaga-lembaga Bandaran ini memdapat bantuan daripada Kerajaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, sehingga gaji-gaji buruh Lembaga Bandaran pun mendapat bantuan dan subsidi daripada Kerajaan.

Sekarang di bawah Akta ini sepertimana Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan sedia maklum nampaknya hendak dipertanggungjawab seluruhnya ini dibebankan

kepada Majlis-majlis Daerah keseluruhannya, semuanya adalah dipertanggungjawabkan kepada Majlis-majlis Daerah, sudah tentu Majlis-majlis Daerah tidak akan mampu menerusi kutipan cukai bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang begitu berat kerana itulah bantuan yang telahpun diperuntukkan ini amat penting sekali dan pada pendapat saya mungkin tidak mencukupi bagi menampung segala subsidi-subsidi yang diperlukan oleh Majlis-majlis Daerah untuk melaksanakan tugas-tugas yang dibebankan kepada mereka. Apa yang telah berlaku sekarang ialah Majlis-majlis Daerah telah menaikkan cukai-cukai mereka. Di setengah-setengah tempat lesen-lesen telahpun dinaikkan sehingga 400-500% kali ganda. Di tempat-tempat Majlis Daerah yang mana perkara ini telahpun dilaksanakan, peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk terperanjat apabila diminta untuk mereka membaharui lesen-lesen mereka, mereka terpaksa membayar 400 dan 500 peratus kali ganda pembayaran lesen-lesen itu. Ini tidak boleh kita salahkan kepada Majlis-majlis Daerah kerana mereka terpaksa menaikkan cukai-cukai lesen ini kerana tanpa menaikkan lesen-lesen seperti itu tidak ada lagi punca pendapatan untuk Majlis-majlis Daerah bagi membayar segala gaji dan tugas-tugas yang dibeban kepada mereka itu. Soal sekarang bukannya mereka yang duduk dalam Majlis Tempatan ini tidak mahu membayar cukai-cukai atau lesen-lesen yang baru tetapi tidak mampu sama sekali membayarnya apatah lagi kerana ini sudah penghujung tahun dan boleh dikatakan keseluruhan lesen-lesen terpaksa dibaharui maka sekali gus kenaikan ini dibebankan di atas bahu mereka. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan supaya gunakanlah secepat mungkin wang sebanyak \$7,500,000 itu dan kalau perlu ditambah lagi sekurang-kurangnya untuk masa setahun dua tahun supaya Majlis-majlis Daerah ini dapat dilatih untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih sempurna dan tidaklah dengan agaknya terperanjat dalam keadaan yang ada ini.

Bagi kawasan saya sendiri saya suka hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan bahawa memang sebanyak 60% penduduk-penduduk di kawasan saya di Sepang tidak mampu membayar cukai-cukai baru ini yang telahpun meningkat di setengah lesen naik harganya sebanyak 400% hingga 500%. Kalau yang Berhormat Menteri hendak potongpun lesen mereka apa hendak buat, saya hanya boleh merayu kerana mereka memang tak mampu, bukan tak mahu membayar, tak mampu membayarnya kerana kenaikan yang begitu tinggi sekali.

Hal ini bukan sahaja berlaku di kawasan saya yang mana saya sendiri tahu, saya percaya dan saya yakin masalah ini timbul juga di mana-mana tempat atau pekan-pekan kecil. Kalau pekan-pekan itu besar seperti Petaling Jaya, Kelang, Ipoh dan sebagainya saya tidak fikir keadaan ini timbul tetapi di pekan-pekan yang mana penduduknya hanya sebanyak 1,000-3,000 orang, pekan-pekan semacam itu masalah yang timbul itu memang berlaku di mana-mana tempat sekalipun. Saya percaya dan saya yakin Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan amat bersimpati dalam hal ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi kesedihan dan kegelisahan penduduk yang kurang bernasib baik. Janganlah kita sangka mereka yang duduk di pekan itu kaya-kaya belaka, banyak juga mereka yang duduk di pekan itu tidak juga sekaya yang mana kita fikirkan.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya menyentuh kepada P. 16, muka surat 102 di bawah Aktiviti 20 iaitu Jalan-jalan dan Jambatan di bawah Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini saya amat terperanjat melihat begitu pesat sekali aktiviti-aktiviti menggali lubang di jalanraya di bandar Kuala Lumpur ini. Saya suka hendak mengucapkan syabas kepada mereka yang telah menggali lubang ini kerana rasa saya mereka telah menunjukkan efficiency yang amat luar biasa kerana lubang-lubang itu telahpun digali dengan penuh dedikasi sekali

di merata-rata tempat, jalan-jalan yang baru dibina digali lubang, banyak pavement habis rosak digali lubang dan mungkin agaknya dari segi menggali lubang di jalanraya kita di Malaysia telah memecahkan rekod dunia. Dari segi target Rancangan Malaysia Kedua juga maaf saya menyatakan, mungkin kita telah melebihi target mencungkil lubang di jalanraya. Dan jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur ini sudahpun sesak dengan masalah kenderaan apatah lagi dengan penggalian lubang yang begitu banyak di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur merumitkan lagi masalah kenderaan ataupun lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Saya harap benar sebelum jalan dibina galilah sepuas-puas, galilah sedalam-dalam lubang, bila jalan sudah sempurna dan cantik, pavement sudah dibuat dan pokok sudah ditanam janganlah dirosakkan jalan itu. Tetapi apa yang berlaku setelah jalan dibina, pokok telahpun ditanam rumput yang hijau telah ditanam cantik molek, tiba-tiba dalam sekejap mata ada beberapa pekerja menggali lubang. Saya sendiri pernah lihat banyak motokar termasuk ke dalam lubang itu kerana kurang dijagai kawasan lubang itu. Saya suka hendak menyatakan di sini seorang sahabat saya daripada luar negeri secara sindiran menyatakan kepada saya: "Adakah mengorek-ngorek lubang ini suatu national hobby bagi Malaysia?" Saya amat berasa dukacita di atas sindirannya tetapi apa yang telah dicakapkan itu mungkin benar, Tuan Pengerusi.

Suatu perkara lagi apa yang saya lihat di sini tidak ada suatu aktiviti ataupun perbelanjaan untuk menanam pokok di Bandaraya Kuala Lumpur ini, sebaliknya pokok yang ada ditebang. Banyak pokok yang cantik dan indah ditebang tetapi menggantinya amat berkurang. Saya telah banyak dengar percakapan yang baik untuk menjadi Bandaraya sebagai "garden city" dan sebagainya. Ini suatu perkara yang baik tetapi nampaknya tindakan tidak mencapai matlamat itu. Kalau kita boleh banci pokok yang ada di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini, mungkin agaknya bilangan pokok sudah berkurangan jika

dibanding dengan tahun-tahun yang lalu dan saya sukalah menarik perhatian supaya Kementerian Kerajaan Tempatan dapat mengadakan suatu usaha bagi mengadakan tempat semeian pokok atau anak-anak pokok bunga dan sebagainya supaya diberikan secara percuma kepada sesiapa yang berkehendakkan untuk mengindahkan rumah mereka ataupun di halaman rumah mereka, diadakan perkhidmatan itu. Mungkin diberikan satu-dua pokok bunga secara percuma kepada mereka yang berkehendakkan supaya halaman rumah mereka dipercantikkan dan juga saya harap Kerajaan Tempatan akan dapat memesatkan lagi penanaman pokok yang cantik dan indah di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur supaya benar-benar hijau, cantik indah dan permai ibukota negara Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar untuk membincang Kepala P. 17, muka surat 105 berkenaan perancangan bandar dan desa di bawah Butiran 1100 di mana di sini menunjukkan bahawa kita mempunyai 166 jawatan di bawahnya dan diminta tambahan supaya menjadi 207 jumlah semuanya. Ini satu angka yang agak tinggi juga tetapi apa yang kita lihat dengan jawatan yang begitu banyak dan bertambah pula di tahun hadapan perancangan kita tak begitu menarik. Kalau di bandar Kuala Lumpur ini saya rasa tak boleh lagi diperbaiki, tak boleh lagi diimprove, tak boleh lagi dibela, sudah dahsyat sangat. Contohnya sahaja dengan pesatnya lalulintas, rasa saya tak guna kita membuat jejambat, flyover, underpass dan sebagainya kerana ini tidak akan mengatasi masalah lalulintas. Apa yang kita dapat atasi ialah menukarkan bottle-neck, tempat bottle-neck itu ditukarkan daripada satu tempat ke tempat lain, tidak mengatasi bottle-neck itu sendiri. Saya beri contoh sekarang ada satu kerja raksaksa sedang dibuat di bulatan Jalan Ipoh, dekat Bangunan Tabung Haji. Kalau projek itu sudah siap, maka tidak lagi berlaku bottle-neck di situ, tidak lagi di situ tempat terpusu-pusu kereta, tetapi bottle-neck itu akan berpindah ke bulatan di Hospital Besar yang

sekarang ini tak begitu sesak tetapi apabila kerja raksaksa pembinaan di bulatan Tabung Haji itu siap sedia, bottle-neck itu akan berpindah ke bulatan berdekatan dengan Hospital Besar itu. Jadi, exercise yang kita bina membelanjakan wang berjuta-juta ringgit tidak mengatasi masalah lalulintas, hanya menukarkan sahaja bottle-neck yang tersebut daripada satu tempat ke tempat yang lain. Jadi, saya fikir janganlah kita membelanjakan wang berjuta ringgit untuk membina flyover, underpass dan sebagainya. Cuba kita fikirkan cara-cara lain, samada dihadkan sahaja kereta masuk ke Kuala Lumpur dan jangan lagi membuat pembinaan yang memakan belanja, berjuta ringgit kerana itu tidak akan mengatasi masalah lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Di dalam segi perancangan tadi saya amat dukacita kerana dari segi Kuala Lumpur ini boleh dikatakan bad planning atau suatu planning yang kurang cermat dan kurang baik, tak mengapalah itu mungkin agaknya "sejarah" kerana Kuala Lumpur ini bandar lama, kita tak boleh buat apa-apa. Tetapi bandar-bandar lain di Malaysia kita ini masih boleh dijagai lagi. Oleh itu, saya harap Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini akan mengambil perhatian yang berat untuk menjaga supaya bandar-bandar yang ada di negara kita ini selain dari Kuala Lumpur, jangan jadi macam Kuala Lumpur. Ini untuk mengelakkan supaya jangan berlakunya kejadian Kuala Lumpur yang kedua di bandar-bandar lain, kerana bandar-bandar yang lain daripada Kuala Lumpur ini masih lagi sedang membangun dan masih lagi boleh dikawal pembangunannya dengan cermat. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Jabatan Perancangan Bandar akan menganggap keadaan ini sebagai satu cabaran (challenge) dan membuat apa yang berpatutan demi untuk mengawal dan menjaga supaya bandar-bandar di negara Malaysia kita ini akan tumbuh dengan molek, baik, teratur mengikut perancangan-perancangan yang berdasarkan kepada falsafah negara kita. Saya percaya dengan perancangan ini ia mestilah mencerminkan falsafah (reflect) hidup negara kita menerusi

perancangan berbagai-bagai yang boleh kita lakukan. Saya menekankan berat kepada kebolehan perancangan sebagai satu proses untuk alat bagi mencerminkan dan melaksanakan cita-cita negara kita dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Jabatan Perancang Bandar dapat memainkan peranannya sebagai satu agensi yang boleh mencerminkan pandangan dan cita-cita murni nasional di negara kita ini menerusi pembangunan dan perancangan bandar-bandar dan kawasan-kawasan luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya suka menyentuh Kepala Pembangunan P. 22, muka surat 127, Butiran 1 (1) — Perpustakaan Negara, Token Vote sebanyak \$10. Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba untuk negara kita ini mengadakan satu Perpustakaan Negara sejajar dan selaras dengan sebuah negara merdeka dan berdaulat. Jangan lagi kita tangguh-tangguhkan pembinaan perpustakaan negara ini dan janganlah kita lagi mengamal dan meneruskan khidmat perpustakaan negara ini dijalankan entah di mana-mana bangunan, di satu bangunan yang agak kurang sejajar dan selaras dengan perkhidmatan perpustakaan negara. Saya percaya bahawa negara kita mampu menyediakan sedikit wang untuk pembinaan satu perpustakaan negara, kerana bagi saya perpustakaan amatlah penting bagi pendidikan dan pembangunan anak-anak muda bagi negara kita.

Di bawah Butiran 1 (ii) — Perpustakaan Awam peruntukan sebanyak \$500,000. Jumlah \$500,000 ini amat berkurangan, amat tidak mencukupi untuk dianggap sebagai sumbangan pembangunan perpustakaan seluruh negara. Setengah juta ringgit untuk seluruh negara kita yang mempunyai tigabelas negeri di Malaysia dan jumlah wang setengah juta ringgit ini pada pendapat saya dengan segala hormatnya amat tidak mencukupi bagi mencapai matlamat pembangunan murni kegiatan perpustakaan di negeri-negeri. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat

mengisi supplementary vote bagaimanakah dapat ditambahkan jumlah ini supaya pembangunan perpustakaan di negeri-negeri di negara kita ini akan dapat berjalan dengan baik, licin dan sempurna. Malah saya juga amat rasa dukacita bahawa di bawah Butiran 1 (iii) — Koleksi Perpustakaan Negara dimuka yang sama juga diberi peruntukan token vote \$10 sahaja kerana sepertimana yang telah saya tekankan tadi perpustakaan ini amatlah berguna sebagai tempat kita mendapat pengetahuan, ilmu dan berbagai-bagai lagi faedah dan menerusi buku akan dapat meluaskan lagi pandangan-pandangan menerusi pendidikan anak-anak muda di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja pandangan saya dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

5.46 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, izinkan saya memulakan dengan membawa perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Kepala B. 21, Butiran 1100 di bawah Aktiviti (1) dan (2) di muka 123.

Tuan Pengerusi, di dalam Anggaran Perbelanjaan, 1978 ada dicatitkan bahawa Jabatan Pertahanan Awam tujuannya adalah untuk melatih dan melengkapkan satu pasukan pertahanan awam yang dianggotai oleh ahli-ahli sukarela untuk menghadapi sesuatu bencana atau peperangan. Saya mengetahui bahawa di bawah Jabatan Pertahanan Awam ini ada Local Defence Corps seperti Bulan Sabit Merah, St. John dan sebagainya. Tetapi saya juga mengetahui bahawa ada pasukan-pasukan yang mempunyai aktiviti-aktiviti serupa dengan local defence seperti RELA dan Rukun Tetangga. RELA adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apa yang saya hendak tekankan di sini, jika-lah benar bahawa Jabatan Pertahanan Awam ini mempunyai tujuan seperti yang saya katakan tadi, maka hendaklah Kementerian yang berkenaan merundingkan dengan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri, supaya Pasukan RELA dan Rukun Tetangga ini duduk di bawah portfolio Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

Saya juga suka hendak membawa perhatian kepada Kepala-kepala yang saya sebutkan tadi berkenaan dengan alat-alat yang digunakan oleh pasukan-pasukan itu sebagai alat-alat yang berjenis lama. Semasa saya dalam pasukan Medical Auxiliary Service dalam peperangan dunia kedua dahulu, saya menggunakan stretcher-stretcher yang masih digunakan oleh anggota-anggota St. John Ambulan pada masa ini, walhal ambulance-ambulance yang digunakan pada masa ini adalah ambulance-ambulance yang moden di mana stretchernya digunakan secara lain walhal saya dapati alat-alatnya tidak berubah. Saya rasa Kementerian hendaklah memandang berat akan perkara-perkara ini supaya anggota-anggota daripada Bulan Sabit Merah ataupun St. John Ambulance dilengkapi dengan alat-alat yang sempurna. Juga saya perhatikan di dalam temasya-temasya ataupun pasukan-pasukan untuk merasmikan sesuatu temasya kebesaran negara kita, didapati anggota-anggota local defence ini mengambil bahagian. Di sini sangat mendatangkan embarrassment kepada kita, kerana di masa berbaris, ada di antara anggota-anggota yang saya katakan itu kebanyakan, kalau hanya dalam 10 orang, dua tiga itu tidak nampak juga; ini kalau dalam 10 orang atau 8 orang jalan berbaris, kaki kanan dan tangan kanannya tidak sama selari; kalau kaki kiri, tangan kiri; maknanya drillingnya tidak betul. Maka kalaulah anggota-anggota St. John Ambulance ini diberi latihan hanya mengangkat stretcher, membuat first aid, itu dan ini, tetapi untuk berjalan atau berbaris mereka tidak diberi latihan yang cukup maka timbullah perkara-perkara yang menyakitkan mata sebagaimana yang saya sebutkan itu. Dari itu, hendaklah siapa juga yang bertanggungjawab atas perkara-perkara tersebut mempesatkan lagi aktiviti-aktiviti melatih anggota-anggotanya.

Saya juga suka Kementerian memandang berat kepada latihan-latihan, bukan sahaja latihan tempatan, tetapi dihantar pegawai-pegawai kita ataupun anggota-anggota yang kanan, ke seberang laut untuk melihat cara-cara St. John Ambulance ataupun Red Cross (bagi kita di sini sudah menjadi Bulan Sabit Merah), menjalankan latihan, cara mana, bagaimana alat yang digunakan dan sebagainya. Kalaulah, misalnya, latihan-latihan di seberang laut itu lebih baik daripada kita, maka tentu sahaja pegawai-pegawai yang kita hantar itu dapat membawa pengalaman ini dan menyampaikan kepada anggota-anggota yang lain. Ini akan memberi faedah yang besar kepada kita.

Izinkan saya membawa kepada Kepala B. 17, Butiran 110, Aktiviti (4) di muka surat 105. Pertama, saya suka menyentuh berkenaan dengan Bahagian Perancang Kawasan Bandar. Sungguhpun ada di antara rakan-rakan saya telah menyentuh berkenaan dengan pelan induk dan sebagainya, saya hanya hendak menyentuh keadaan sekarang dan saya berharap di dalam masa-masa yang akan datang dapatlah pihak yang bertugas — pegawai-pegawai yang bertugas, jika ada satu-satu pelan disampaikan oleh pihak-pihak yang hendak membangunkan rumah-rumah, kompleks-komplek perniagaan, kompleks pejabat dan sebagainya, dapat disegerakan. Keadaan sekarang sangatlah menyedihkan kerana satu-satu pelan yang hendak disampaikan itu 2 tahun belum lagi dapat diproses dan diluluskan. Kalaulah kita, misalnya, meminjam duit daripada bank untuk memulakan projek-projek itu, selama 2 tahun terpaksa kita membayar faedahnya tetapi hasil daripada bangunan yang hendak kita dirikan itu belum lagi kita perolehi. Dengan sebab itu, saya berharap pihak akitek hendaklah menitikberatkan perkara-perkara pelan ini supaya jangan terjadi kelambatan sebagaimana yang saya nyatakan. Juga eloklah akitek-akitek yang berkhidmat di dalam Perancang Bandaraya membuat satu declaration menyatakan hubungan mereka dengan akitek-akitek ataupun syarikat-syarikat akitek swasta. Misalnya,

seorang isteri berkhidmat sebagai akitek di dalam Bandaraya mempunyai suami, seorang akitek di pihak swasta, ada tuduhan yang mengatakan bahawa apa juga pelan-pelan yang hendak dikemukakan oleh pihak swasta atau pihak-pihak yang lain untuk sesuatu bangunan, kalaulah kita beri kepada syarikat akitek yang dipunyai oleh suami kepada si isteri yang bekerja itu, maka pelan itu akan dapat diproses dengan segera, tetapi jika dibuat satu declaration maka dapatlah interested party itu, di masa pelan-pelan itu hendak diproses dan diluluskan, keluar atau mengecualikan dirinya daripada mengambil bahagian di dalam perbincangan memproses permohonan-permohonan tersebut.

Saya juga, suka membawa perhatian pegawai-pegawai yang berkenaan supaya dapat memberi timbang rasa pada segi dari kemanusiaan kepada peniaga-peniaga kecil. Saya dapati sekarang di dalam pegawai-pegawai ini menjalankan tugasnya untuk merancang kawasan bandar ada terdapat di mana peniaga-peniaga kecil daripada semua kaum dihalu, diusir, gerainya dipecah dan alat-alat perniagaannya, jualan-jualannya dirampas. Saya mengingatkan Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan bahawa mereka ini adalah dari golongan peniaga-peniaga kecil yang cuba untuk mencari nafkah secara halal. Kalaulah mereka ini diusir, sungguhpun perbuatan mereka barangkali salah menjual barang-barang dengan tidak berlesen dan sebagainya, tetapi pada segi kemanusiaan hendaklah dipertimbangkan. Saya suka memberi satu contoh iaitu di Jalan Raja Chulan di mana satu keadaan sudah timbul ibarat pepatah: 'gajah bergaduh dengan gajah, kancil di tengah-tengah yang tersepit', iaitu ada satu pihak agensi Kerajaan telah bertelingkah dengan Bandaraya kerana satu kawasan, yang pada suatu masa dahulu tanah itu dipunyai oleh Kerajaan Negeri Selangor, tetapi sudah diambil alih oleh Wilayah Persekutuan, sudah menjadi di bawah kuasa Bandaraya dan sudah pula diberi kepada satu pihak yang lain, maka peniaga-peniaga yang telah dibenarkan oleh kuatkuasa dahulu telah diusir kerana ada satu rancangan

hendak dibuat di situ, walhal peniaga-peniaga itu telah menanam modal \$50,000-\$60,000 meminjam dan sebagainya membuat restaurant night club iaitu di Jalan Raja Chulan. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat memikirkan jikalau benar-benar rancangan itu hendak dibuat, bila hendak dibuat. Kalaulah targetnya hendak dibuat lagi 2 tahun, apalah salahnya dibenarkan orang itu bernight club, berrestaurant di situ selama 2 tahun, mereka pun memberi khidmat kepada public di mana public boleh dapat malam-malam, petang-petang makanan yang lazat-lazat dan murah harganya, kerana tidak semua public di Kuala Lumpur ini mempunyai kemampuan pergi ke Merlin Hotel, Regent, Equatorial dan sebagainya. Equatorial mereka, Merlin mereka, Regent mereka adalah di restaurant-restaurant seperti di Jalan Raja Laut, di Jalan Campbell dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh di bawah Kepala ini berkenaan dengan satu kampung bernama 'Kampung Cendana'. Sejarahnya serupa juga dengan sejarah Jalan Raja Chulan tadi di mana tanah kawasan itu telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 4 atau 5 pihak swasta dan, ada buktinya sekarang, sungguhpun hasrat Kerajaan Negeri Selangor memberi tanah itu kepada pihak-pihak swasta, untuk menggalakkan pihak-pihak swasta ini membuat rancangan dan memberi peluang berniaga kepada mereka, tetapi buktinya ada pihak-pihak yang telah diberi tanah ini hendak menjual tanah itu, optionnya ada di tangan saya sebagai bukti boleh saya tunjukkan kepada pihak-pihak yang berkenaan, kalau hendak. Pendekata tanah yang hendak diberi kepada pihak swasta 5-6 orang itu, yang berjumlah 20 ekar lebih kurang, hendak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang telah diberi tanah itu, walhal di dalam kawasan Kampung Cendana ini penduduk-penduduknya daripada semua kaum berjumlah 5,000 orang, membuat rumah secara TOL sudah 30 tahun. Mereka ini memohon tanah itu tetapi keutamaan bukan diberi kepada orang yang telah duduk 30 tahun secara TOL itu tetapi diberi kepada

kaum-kaum yang saya katakan tadi, golongan orang kaya. Kalaulah golongan orang kaya ini benar-benar hendak mendirikan projeknya, syukur Alhamdulillah, kerana ini adalah juga hasrat Kerajaan hendak memberi peluang kepada kaum bumiputra di lapangan perniagaan dan perusahaan tetapi sebaliknya, macam mana saya katakan tadi, telah disalahgunakan pemberian yang saya maksudkan tadi.

Saya bawa perkara ini kerana penduduk-penduduk telah pun menubuhkan satu Koperasi Perumahan Kerajaan mereka. Mereka beberapa kali membuat percubaan untuk berjumpa, membuat appointment untuk berjumpa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kalau tidak silap sudah tiga kali tetapi barangkali kerana kesibukan Yang Berhormat Menteri kerana krisis-krisis peribadinya maka tidak dapat mereka ini berjumpa. Saya harap dalam tempoh 1-2 minggu ini lapangkanlah masa supaya dapat orang-orang ini berjumpa dan membincangkan cara-cara mana mereka ini boleh menetap duduk di kawasan 20 ekar di Kampung Cendana itu, sejajar dengan dasar Kerajaan kita untuk merestruktur society. Kalaulah penduduk-penduduk yang saya katakan tadi berjumlah hampir 2,000 orang dan 90% daripadanya bumiputra, kerana hendak memberi peluang kepada 5 orang golongan kaum pemodal; diusir pergi ke kaki Gunung Tahan, maka saya mengatakan bahawa hasrat Kerajaan untuk merestruktur society "is just a mockery".

Tuan Pengerusi, saya suka sekarang ini membawa kepada Kepala P. 16 Butiran 11 di muka surat 102. Saya mengalu-alukan berkenaan dengan bangunan Dewan Bandaraya yang sedang dirancangan.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, ini adalah perlu untuk menempatkan ataupun memusatkan semua pejabat-pejabat di bawah Dewan Bandaraya di satu bangunan dan saya bersetuju ini adalah satu tindakan bijak menyenangkan orang ramai untuk membuat

sesuatu urusan, tidak payah pergi daripada satu pejabat ke satu pejabat yang berjauhan. Tetapi apa yang saya suka ingatkan ialah agar perhatian diberi kepada bangunan yang ada sekarang, iaitu bangunan yang bersejarah, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di negeri saya, Negeri Selangor. Bangunan ini kalaulah tidak lagi digunakan, kerana dikatakan tadi hendak dipusatkan di satu bangunan baru, janganlah dipecahkan tetapi dipreserve sebagaimana yang telah pernah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya juga mengalu-alukan Butiran 17 iaitu Projek Sewerage ataupun saluran najis. Ada diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri juga perlunya projek ini dilaksanakan tetapi baru-baru ini terjadi satu perkara yang menyedihkan di mana kerana hendak menyediakan projek saluran najis ini, saya tidak tahulah kalau tempatnya tempat itu; maka kampung yang mempunyai sejarah di Kuala Lumpur ini, iaitu Kampung Pantai Dalam, tanah kawasan orang Melayu, hendak dipindahkan ke tempat lain. Penduduk-penduduk di situ telah membuat tentangan dan saya berharap perhatian diambil. Kalaulah hendak membuat projek saluran najis ataupun projek-projek yang lain carilah tanah-tanah atau kawasan-kawasan, jangan melibatkan kawasan kampung yang lama-lama ini kerana orang-orang kita Melayu kalaulah tidak kerana perkembangan Kuala Lumpur barangkali kampung yang saya sebutkan tadi iaitu Kampung Pantai Dalam memang tidak ada harga tanahnya, tetapi dengan perkembangan Petaling Jaya, dengan adanya perkembangan Kuala Lumpur, maka kampung itu sudah menjadi kampung yang makmur, kampung yang berharga tanahnya. Kalau dulu satu ekar \$500 pun orang tidak hendak, sekarang ini \$5,000 senang-senang boleh dijual, dan bukan pula orang-orang ini hendak menjual tetapi orang ini hendak menetap di situ. Sebagaimana juga hasrat Kerajaan supaya orang Melayu dapat peluang duduk di pekan, tetapi kalaulah diusir pula, didudukkan di jauh-jauh, di Pulau Ketam dan sebagainya; ini juga

adalah satu perkara yang akan menyedihkan kita. Jadi teguran ini saya harap dapat perhatian.

Saya beralih pula, Tuan Pengerusi, kepada Kepala B. 16, Butiran 1100, Aktiviti (1) di bawah Pentadbiran Am. Bukanlah saya hendak menjadi jaguh kepada Jaga Kereta Boys — tidak. Kalau budak-budak ini didapati salah, barangkali ada yang salah tetapi cara-cara Jaga Kereta Boys ini diusir bukan akan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat tetapi akan membawa kepada bertambah lagi problem. Sungguhpun ada di dalam golongan Jaga Kereta Boys ini budak-budak yang nakal, di mana-mana pun ada golongan-golongan nakal di kampung-kampung, anak kita sendiri pun ada yang nakal. Budak-budak ini sebenarnya hendak mencari nafkah yang halal juga, mereka cuba hendak mencari pekerjaan.

Pada pengalaman saya sendiri, kalau pengalaman orang lain mereka menuduh bahawa Jaga Kereta Boys ini memecahkan itu, memecahkan ini, kalau tidak dibayar duit, memecahkan ini, kalau tidak dibayar duit ditaruhnya paku; tetapi saya fikir ini adalah kalau cerita itu satu inci dibuat satu kaki kerana saya bercakap ini bukan saya suka bercakap begitu sahaja, saya buat kajian, tengok, tanya apa sebenarnya. Budak-budak ini datang daripada kampung, kebanyakannya budak-budak kita Melayu yang tidak lulus LCE dan sebagainya, hendak mencari kerja — tidak dapat kerja. Jadi sementara menunggu kerja dapat ataupun sementara menunggu peluang-peluang dia dapat berniaga “Hot-dog” dan sebagainya, dia berkawan-kawan. Dibawa oleh kawan-kawan yang sudah lama itu menjadi Jaga Kereta Boys. Pengalaman saya sendiri, Tuan Pengerusi, berbeza sedikit kerana budak Jaga Kereta inilah, pada satu ketika, kereta saya dapat diselamatkan. Saya tidak bayar duit, tidak bayar apa-apa, saya letakkan kereta saya dan saya bukan katakan kereta saya ada plate, tidak ada plate MP, tidak ada apa-apa....

Tuan Pengerusi: Dia kenal nombor kereta itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Dia tidak kenal kerana kereta saya itu nombornya pun nombor susah sedikit. Bukan kerana dia cam dengan saya ataupun kenal dengan kereta ataupun kereta itu ada plate, tetapi saya letakkan sahaja, saya pergi makan rojak. Bukanlah saya pergi dengan neck-tie dan sebagainya, tetapi macam biasa sahaja. Tengah saya makan, satu daripada budak yang menjaga kereta ini berlari kepada saya memberitahu kepada saya ada dua orang cuba hendak membuka kereta, mencuri kereta saya. Kalau tidak dengan kerjasama yang diberi oleh budak jaga kereta ini apa jadinya. Walhal pegawai daripada Dewan Bandaraya beruniform tidak jauh daripada situ. Berpeluk tubuh tidak hendak berlari berjumpa dengan saya.

Tuan Pengerusi, jaga kereta ini janganlah secara umum kita kondem sebagai satu golongan masyarakat yang jahat diusir ke sana sini. Gunakan mereka. Kalaulah ada jaga kereta dengan uniform di lapangan-lapangan meletak kereta, budak-budak jaga kereta ini kita anggap sebagai non-uniform budak jaga kereta pula. Dan kalau dia oleh memberi perkhidmatan yang baik, kita buat satu cara, kawal mereka ini samada diberi elaun ataupun satu cara di mana dia dapat dengan secara halal memberi perkhidmatan kepada kita.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang lain adalah berkenaan dengan peniaga-peniaga kecil; peniaga-peniaga kecil ini bukan peniaga-peniaga kecil di Jalan Raja Chulan tetapi peniaga-peniaga kecil yang telah diberi peluang oleh pihak Dewan Bandaraya berniaga pada waktu-waktu malam di kawasan-kawasan lapangan dan di sinilah mereka bekerja menjual barang-barang terutamanya jenis-jenis makanan. Sungguhpun mereka ini terhad dan mereka ini diberi lesen untuk berniaga tetapi ada tuduhan daripada golongan ini yang tidak ada mempunyai lesen. Mereka ini telah meminta lesen tetapi kerana beberapa sebab pegawai-pegawai yang berkenaan telah tidak memberi layanan. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi perhatian supaya

siapa juga daripada peniaga-peniaga gerai-gerai (stalls) ini hendak meminta lesen, berilah pertimbangan yang sewajarnya untuk mengelakkan mereka ini membuat kerja-kerja yang tidak disukai oleh masyarakat, iaitu kerja-kerja mencuri, memecah rumah, menyamun dan sebagainya. Mereka ini adalah daripada golongan orang-orang yang mempunyai anak isteri dan tanggungjawab. Sungguhpun mereka ini barangkali bukan mempunyai karakteristik pencuri, penyamun, tetapi kerana tidak sabar melihat tangisan anak, ratapan isteri, maka mereka ini sudah tentu sahaja akan menjadi pencuri dan penyamun jika jalan-jalan ataupun pintu-pintu ditutup kepada mereka untuk mencari rezki yang halal.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong segala peruntukan di bawah perkara-perkara dan maksud-maksud yang tertentu di bawah pengurusan dan pembangunan bagi Kementerian yang berkenaan supaya dapat diluluskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan ini yang akhir, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

6.14 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai Kepala B. 17, muka surat 105 Butiran 1100 Aktiviti (3) — Bahagian Perancang Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat selain daripada Majlis-majlis Tempatan maka perancang luar bandar adalah satu perkara yang amat perlu diawasi oleh Kementerian yang berkenaan. Sebab saya berkata begitu bagi pihak bandar-bandar selain daripada adanya Majlis-majlis Tempatan dan Majlis-majlis luar bandar, orang-orangnya pula boleh dikatakan terdiri daripada orang yang kesemuanya terdiri daripada orang yang berpelajaran. Tetapi di segi masyarakat per-

gaulan itu saya tidak bolehlah hendak menafikan yang mereka itu pada pandangan saya lebih baik penduduk-penduduk kampung daripada penduduk-penduduk bandar dari segi jiran dan sebagainya.

Sungguhpun begitu, saya berharap sangat Bahagian Perancang Luar Bandar ini dapat diawasi dengan bersungguh-sungguh supaya lebih berkesan dan kemas lagi. Dan di sini saya mencadangkan supaya tiap-tiap mukim di luar bandar diadakan satu Jawatankuasa Mukim di mana tiap-tiap seorang Penghulu menjadi pengerusi di tempat yang berkenaan. Matlamatnya yang besar ialah ada dua tiga perkara. Pertama, di segi keselamatan, di segi kebersihan dan disegi ekonomi.

Dengan adanya jawatankuasa tadi bolehlah jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan menasihatkan penduduk-penduduk kampung dan mengadakan pertandingan kebersihan. Kalau tidak silap beberapa tahun yang silam ada pertandingan-pertandingan kebersihan kampung maka saya dapati banyak rumah-rumah di kawasan luar bandar yang didapati bersih kerana telah menjadi tabiat manusia suka berlawan. Apatah lagi kalau dianjurkan oleh Jawatankuasa Kampung dan sebagainya. Begitu juga di segi pertandingan-pertandingan bercucuk tanam di dalam kampung adakah apa yang difikirkan patut ditanam untuk dijadikan sumber ekonomi. Begitu juga dengan Jawatankuasa Mukim yang saya katakan tadi menjadikan pergaulan yang boleh menjaga keselamatan kampung selain daripada Pegawai Keselamatan yang diadakan oleh Kerajaan. Dengan sebab itu, saya harap sangatlah Jawatankuasa Mukim patutlah diadakan dan janganlah diadakan semata-mata di tempat yang maju sepertimana di Perlis bandar Kangar, Arau, Simpang Empat dan Kaki Bukit dan sebagainya.

Saya tegaskan di sini sembilan penghulu ada di Perlis sepatutnya adakan sembilan Jawatankuasa Tempatan ataupun Jawatankuasa Mukim yang termasuk tiga matlamat yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, bercakap saya di bawah Butiran 1100 juga, Aktiviti (4) — Bahagian Perancang Kawasan Bandar. Saya bersetuju dengan wakil-wakil rakyat yang telah menyatakan yang terdahulu daripada saya tadi, maklumlah saya ini orang yang penghabisan bercakap, saya amat bersetuju, nampaknya bandar sekarang amatlah teruk dengan berbagai-bagai keadaan, korek lubang sebagaimana kata wakil dari Sepang, banjir dan sebagainya. Seperti di Perlis, kalaulah ada banjir, sepatutnya di kampung belum ada lagi banjir dengan keadaan hujan begitu tetapi di bandar Kangar sudah mengalami banjir yang amat dahsyat. Sebab yang jadi begini, Tuan Pengerusi, pada pendapat saya kerana kedudukan bandar yang tidak teratur. Selain daripada kawasan rendah, boleh dikatakan tempat yang tidak patut dibangunkan rumah. Tidak ada saluran air yang boleh mengalir. Walaupun ada parit sekalipun oleh sebab keadaan perancang bandar itu tidak teratur, maka dengan sebab itu mudah bandar-bandar tadi mengalami banjir walau bandar Kangar sekalipun. Dengan sebab itu, saya mencadangkan selain daripada kita hendak mengelakkan banjir, patut diadakan pegawai perancang bandar menasihatkan di tempat yang mana yang patut dan tempat mana yang tidak patut membina rumah. Walaupun hendak mengelakkan banjir apakah ertinya elok, jika sekiranya ada hujan sedikit, air sudah melimpah dan sebagainya.

Maka dengan sebab itu, saya berharap sangatlah perancang bandar ini patut diadakan juga dan kebersihan bandar bolehlah dijaga dengan bersungguh-sungguh.

Saya menyentuh pula Kepala B. 18 — Perkhidmatan Bomba, muka surat 108, Butiran 1100, Aktiviti (2) Pencegah Kebakaran.

Saya amat berterima kasih yang mana ada rancangan menambahkan kereta-kereta bomba dan sebagainya. Dan saya berharap biarlah kereta-kereta bomba atau pencegah kebakaran ini mengikut keadaan musim. Kerana sekarang boleh dikatakan kebakaran

ini kerap kali berlaku di musim kemarau. Tetapi di musim hujan seperti ini tidak tahu lah di bandar Kuala Lumpur! Disebabkan letrik boleh jadi terbakar. Tetapi kalau di luar bandar kebakaran ini boleh dikatakan berlaku saban hari, di musim kemarau yang panas, di kebun-kebun getah kecil juga kerap kali berlaku kebakaran begitu juga di kampung-kampung. Kalau musim hujan seperti sekarang jarang sangat berlaku. Tetapi yang sedihnya, kereta bomba yang telah disediakan itu alatnya tidak cukup. Selain daripada larinnya tidak begitu deras walaupun ada loceng berbunyi, kebakaran tidak dapat dicegah. Yang satu lagi, hendaklah ada alat untuk mengisi air. Jangan sudah tiba di tempat kebakaran, dicari di mana pula ada kubang, di mana ada telaga hendak ambil air, rumah sudah hangus, air tidak jumpa lagi. Jadi, saya mengesyor dan mencadangkan kereta bomba itu hendaklah diadakan bekalan air istimewa yang cukup dan kalau boleh dibekalkan satu jenis air dan kalau digunakan pada satu tempat api itu boleh dipercik dengan sedikit air tetapi mudah ia padam, cari alat yang istimewa terlebih dahulu. Jangan dibuat seperti hari ini kadang-kadang api tidak boleh padam, air tidak jumpa dan kereta bomba baru sahaja sampai. Jadi ubahkan caranya sedikit dan kalau boleh ikut keadaan masa dan tempat seperti Bandar Kuala Lumpur cari alat supaya boleh digunakan di tempat yang tinggi. Jadi kalau alat di kereta itu rendah tidak sampai kepada tempat atau matlamat yang dituju, api semakin menyala tetapi air itu tidak sampai. Jadi carilah alat yang munasabah mengikut keadaan.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 19, muka surat 112 Butiran 1100, Aktiviti (3) Pengurusan Arkib. Saya berharap patutlah diawasi betul-betul, banyak alat-alat ataupun surat-surat yang sudah berpuluh-puluh tahun dahulu tidak tersusun, tidak terjaga dan kalau hendak disimpan seperti kata orang hendak simpan uran buruk. Di Perlis pun ada kalau tidak silap saya di Pejabat Tanah patutlah diadakan satu tempat seperti di Kuala Lumpur ini pihak Kerajaan Pusat telah mengambil

perhatian di atas perkara ini dan menyimpan surat-surat itu. Begitu juga perkara-perkara yang lain yang agak berharga yang saya percaya banyak perkara-perkara itu yang akan menjadi kajian yang baik lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Per-cetakan saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu janganlah kita serahkan kepadanya sahaja, kerana per-cetakan ini terlampau lewat. Ini menunjukkan satu perkara yang tidak baik. Dengan sebab itu, saya berharap kalau boleh diserahkan kepada badan swasta asalkan perkara itu baik maka kita jalankanlah perkara yang tersebut. Janganlah kita tumpu kepada satu-satu orang.

Mengenai Kepala B. 29

Tuan Pengerusi: Mana ada Kepala B. 29?

Tuan Shaari bin Jusoh: Minta maaf, Kepala B. 21 — Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya memuji Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada masa banjir hamba Allah Perkhidmatan Awam inilah apakala....

Tuan Pengerusi: Perkhidmatan Awam atau Pertahanan Awam?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pertahanan Awam.

Tuan Pengerusi: Nampaknya sudah dekat pukul 6.30 petang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Jabatan Pertahanan Awam. Boleh dikatakan kalau berlaku malapetaka hamba Allah inilah yang berlintang-pukang, tidak tidur, tidak kira siang ataupun malam menolong menjaga malapetaka samada bencana api ataupun banjir. Tetapi yang sedihnya elaun mereka ini masih berada di takat lama juga, jikalau kita pandang mereka ini terdiri daripada pegawai ataupun orang yang bergaji rendah. Mereka itu ingin memasuki Pertahanan Awam ini, tetapi mereka kurang mendapat perhatian. Saya

berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan patutlah ditambahkan elaun-elaun mereka di masa mereka menjalankan tugas, di samping itu pakaian-pakaian termasuk kasut-kasut mereka hendaklah dilengkapi dengan mencukupi. Kita harap sangatlah kepada perkhidmatan mereka terutama di masa yang saya katakan tadi dan kita hendaklah menyediakan sagu hati yang istimewa kerana jika kita tidak pertimbangkan, maka ini tidaklah adil. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat kepada Kementerian yang berkenaan pertimbangkan semula kedudukan Pertahanan Awam ini yang mana mereka ini berkhidmat dengan sungguh cemerlang, apatah lagi di masa kita menerima malapetaka.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan seberapa ringkas mengenai Kepala B. 18 — Perkhidmatan Bomba. Berkenaan kelengkapannya saya sudah cakapkan tadi. Saya berharap kalau boleh selain daripada disediakan alat moden ditambahkan, kereta bomba ini patut dicuci di masa-masa hujan seperti ini untuk digunakan pada masa-masa yang diperlukan. Sebagaimana saya lihat di dalam kilang tebu misalnya, ada satu ketika kereta ini dicuci enjinnya setelah disimpan selama enam bulan dan ada ketikanya pula kereta itu berjalan selama enam bulan dengan tidak berhenti-henti. Saya berharap kereta bomba ini jikalau di masa tidak mustahak dicuci ataupun dilengkapi dengan alat-alatnya, di masa berlakunya kebakaran alat-alat ini sudah sedia dan kalau boleh ditambahkan lagi. Apatah lagi di masa-masa yang perlu sepertimana saya katakan tadi. Kalau kita tengok apabila berlaku kebakaran di luar bandar seperti di musim kemarau, perkara ini kerap kali berlaku. Kalau di bandar kebakaran tidak kira kemarau kerana ada letrik dan sebagainya. Jadi, saya berharap sangatlah khasnya di Negeri Perlis ditambahkanlah kereta bomba. Kalau musim hujan ini kalau hendak ditarik balik tinggalkan satupun tidak apa, tetapi di musim kemarau kalau boleh patutlah diadakan 2-3 buah kereta bomba di Negeri Perlis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa dua minit untuk Yang Berhormat Menteri hendak menjawab tentulah tidak cukup. Jadi, Yang Berhormat Menteri boleh mulakan dan disambung pada hari besok.

6.28 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat berbagai-bagai teguran dan juga berbagai-bagai saran bagi kebaikan urusan-urusan di dalam Kementerian ini. Beberapa teguran telah saya perhatikan iaitu berkenaan dengan kelemahan-kelemahan yang dialami oleh pentadbir-pentadbir berbagai-bagai penguasa tempatan bukan sahaja di Pulau Pinang dan Seberang Prai, tetapi juga di daerah-daerah penguasa tempatan yang lain. Dalam hal ini saya suka menyatakan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa bagi membuat cadangan-cadangan untuk memberikan bantuan-bantuan kewangan secara langsung

daripada Kerajaan Pusat kepada penguasa-penguasa tempatan. Jawatankuasa itu yang saya maksudkan ialah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Chong Hon Nyan, Jawatankuasa ini telahpun menyiapkan laporannya dan laporan itu telahpun disampaikan kepada saya dan saya telahpun mengemukakannya kepada Kabinet dan sekarang penyata ini berada di dalam timbangan dan kajian Kabinet, dan saya boleh menyatakan di sini bahawa tidak lama lagi dalam satu dua bulan penyata ini akan dapat diluluskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari besok, 30.11.1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.